

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERLIS)
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

SHUKOR SANIM BIN MOHD FAUZI

KETUA UNIT KUALITI :

RIZAUDDIN BIN SAIAN

PENYELARAS :

SHAFIQ BIN SHAHRUDDIN

PENULIS :

1. SHAFIQ BIN SHAHRUDDIN
2. RIZAUDDIN BIN SAIAN
3. NADIA BT ABDUL WAHAB
4. HAFIDZAH BINTI HAJI ABDUL AZIZ
5. NUR ZAINIE BINTI ABD HAMID
6. ISMALAILI BINTI ISMAIL
7. AHMAD SUHAIL BIN KHAZALI

8. MASAYU BINTI NORMAN
9. WAN IZHAN NAWAWI BIN WAN ISMAIL
10. NOR ANIS BINTI SHAFAI
11. SITI SARAH BINTI MD ILYAS
12. MUHAMMAD AIMAN BIN ARIFIN
13. NUR SYAMILAH BINTI MOHD SUBHI
14. ERNIEZA SUHANA BINTI MOKHTAR
15. ANITA BINTI CHE HASSAN
16. FARAH LINA BINTI AZIZAN
17. MOHD ZAINI BIN ZAINAL

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs dipimpin oleh barisan pengurusan yang berkaliber, berkarisma dan dinamik, yang meletakkan agenda penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan sebagai agenda utama dalam mentadbir kampus. Kampus ini diketuai oleh Rektor yang bertanggungjawab merealisasikan pencapaian Misi dan Visi UiTM. Rektor dibantu oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan (PJIMA), Timbalan Pendaftar, Timbalan Bendahari dan Timbalan Perpustakaan yang kesemuanya merupakan pengurusan tertinggi kampus.

Pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dilaksanakan di UiTMPs melalui PJIMA yang merupakan bahagian yang bertanggungjawab terhadap penyelidikan, penerbitan, jaringan industri, masyarakat, alumni dan keusahawanan. PJIMA diketuai oleh Timbalan Rektor dengan dibantu oleh 6 koordinator iaitu Koordinator Pengurusan Penyelidikan, Koordinator Penerbitan dan Kepakaran, Koordinator Pengurusan Inovasi dan Kecemerlangan, Koordinator UiTM Press, Koordinator Keusahawanan, Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni serta 5 staf pentadbiran iaitu Pegawai Eksekutif Kanan, Kerani Kanan, Kerani dan Pembantu Operasi.

Perancangan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan UiTMPs menzahirkan Pelan Strategik UiTM 2025 melalui teras strategik yang akan membawa UiTM ke arah kecemerlangan global. Bagi mencapai objektif ini, **kepimpinan UiTMPs melalui PJIMA telah merangka dan menjayakan beberapa inisiatif strategik** bagi mempertingkatkan pembangunan penyelidikan translasional, penerbitan dan pengkomersilan **ke arah kesejahteraan sosio ekonomi yang berimpak dan mendapat pengiktirafan global.**

Pelaksanaan agenda yang dirangka mensasarkan penglibatan penyelidik UiTMPs dan memastikan hala tuju usaha **penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan** di UiTMPs terarah dalam menyediakan penyelesaian untuk cabaran-cabaran semasa dan akan datang **melalui kolaborasi, MoU dan MoA dengan universiti-universiti tersohor dan industri** bagi meletakkan hasil penyelidikan UiTMPs di peta dunia. Keberkesanan ini **dapat dilihat dengan pencapaian petunjuk prestasi kampus yang melebihi sasaran dalam bidang tumpuan bagi tahun 2022.**

Pemantauan yang berkesan di peringkat kepimpinan kanan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan sasaran dan pencapaian petunjuk prestasi UiTMPs dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dilaksanakan. **Sistem pemantauan bagi tahun 2022 telah dilakukan dalam Mesyuarat JPN dan JJN.** Melalui pemantauan ini, telah dilihat keberkesanan kerana UiTMPs telah berjaya **mencapai 100% bagi 4 PI penyelidikan, 7 PI penerbitan** dan kesemua 8 PI jaringan industri **serta 1 produk komersial berjaya dipasarkan melalui inovasi penyelidikan.**

Penambahbaikan hasil pemantauan dilakukan berdasarkan hasil mesyuarat dan perancangan strategik UiTMPs, **berpandukan tadbir urus** penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang dikeluarkan oleh **UiTM dan KPT** serta **pengiktirafan diberikan kepada staf** yang berjaya mendapatkan geran penyelidikan, melaksanakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dalam **penganjuran Majlis Anugerah Semarak Sanjung 2022.**

Dengan delegasi kepimpinan yang tangkas dan mampan dalam melaksanakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan telah **mengubah landskap kepimpinan dan pencapaian UiTMPs**, di mana kampus telah berjaya menggondol anugerah:

1. Top 1 Penerbitan Antara Kampus Cawangan UiTM 2022
2. Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: International 2022
3. Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: National 2022
4. Tempat ke-2 Anugerah Penjanaan Dana Tertinggi (External Funding) Peringkat Kampus UiTM
5. Tempat ke-3 Community Program Awards: Impactful Industry/Alumni Collaboration Peringkat Kampus UiTM

Ini merupakan julung kalinya penganugerahan tertinggi yang dicapai oleh UiTMPs. Perancangan yang baik dengan pemantauan yang jitu serta langkah penambahbaikan yang berterusan telah membawa kejayaan buat UiTMPs. Penganugerahan ini dengan keterlibatan semua staf telah meningkatkan ketampakan UiTMPs di UiTM, negara dan antarabangsa.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan tertinggi UiTMPs dengan diketuai oleh Rektor telah berjaya menggerakkan warganya dalam bidang tumpuan melalui pengstruktur organisasi dan tadbir urus yang mampan. Bahagian PJIMA dengan diketuai oleh Timbalan Rektor merupakan bahagian yang bertanggungjawab terhadap bidang tumpuan; dengan setiap unit diketuai oleh koordinator dan dibantu oleh staf pentadbiran senantiasa memberi fokus terhadap kecemerlangan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di UiTMPs seperti **Rajah 1.2(a)**.

1.2.1 PEMERKASAAN STRATEGIK UiTMPs DALAM PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PENGKOMERSILAN

Dalam memastikan hala tuju strategik UiTMPs tercapai, pelbagai kaedah dan pendekatan diaplikasikan oleh kepimpinan tertinggi UiTMPs dalam menggerakkan semua warga untuk melaksanakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan secara berdedikasi dan berkualiti.

Pendekatan awal yang diaplikasikan oleh kepimpinan tertinggi dalam pencapaian bidang tumpuan adalah dengan mengadakan **Bengkel Perancangan Strategik 2022 UiTMPs** bagi **merangka hala tuju strategik kampus secara bersasar** dan selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025.

Berpandukan Visi, Misi, objektif dan fungsi bahagian seperti di **Rajah 1.2(b)**, Unit Pengurusan Penyelidikan (UPP), Unit Penerbitan dan Kecemerlangan (UPK) dan Unit Pengurusan Inovasi dan Kepakaran (UPIK) PJIMA merupakan unit-unit yang bertanggungjawab dalam memastikan sasaran dan hala tuju strategik penyelidikan, penerbitan dan inovasi UiTMPs tercapai.

Dalam mencapai **hala tuju strategik bidang tumpuan, mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN) dilaksanakan secara berkala**. PJIMA selaku sekretariat JPN dan JJN akan sentiasa memastikan sasaran dan pencapaian KPI/PI bidang tumpuan akan dibentangkan oleh koordinator-koordinator PJIMA dalam mesyuarat seperti di **Rajah 1.2(c)**.

1.2.2 INSENTIF DALAM MENCETUS SEMARAK PENYELIDIKAN DI KALANGAN WARGA KAMPUS

Kepimpinan kanan memperkenalkan pelbagai insentif dalam bidang tumpuan seperti **Rajah 1.2(c)** dalam usaha mencapai hala tuju strategik yang ditetapkan **seperti Insentif MyIP, MyIndexed Journal, MyImpact Journal, MyIndustry Publication, MyInovasi, MyIncentive, My Product dan Anugerah Semarak Sanjung 2022**.

MyIncentive merupakan insentif kepada pensyarah yang berjaya memperolehi geran penyelidikan. **MyImpact** dan **MyIndexed Journal** adalah insentif untuk pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel penyelidikan di dalam jurnal bertaraf Q1/Q2. **MyInovasi** bertujuan untuk meningkatkan jumlah penyertaan pensyarah di pertandingan inovasi. **MyIP** diadakan untuk menambah bilangan copyright di kalangan pensyarah pada tahun 2022. Kemuncaknya, diadakan Majlis **Anugerah Semarak Sanjung 2022** sebagai satu penghargaan kepada warga yang berjaya melaksanakan penyelidikan, penerbitan dan inovasi sepanjang tahun 2022.

1.2.3 PROGRAM BERSISTEMATIK DALAM PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN,

PENERBITAN DAN PENGKOMERSILAN BERIMPAK TINGGI

Menyedari kepentingan geran penyelidikan sebagai satu aspek penting untuk penyelidikan yang berkualiti, UPP **menyebarkan Semarak Penyelidikan dan iGrant2U** kepada warga seperti **Rajah 1.2(d)**. Hasil pelaksanaan, **100 jumlah Geran Penyelidikan telah berjaya diperolehi dengan nilai perolehan RM2,847,327.00** dan pencapaian ini juga telah **menjadikan UiTMPs sebagai Kampus Perolehan Geran FRGS Tertinggi UiTM**.

Bagi mencapai sasaran bilangan penerbitan berindeks seperti yang telah ditetapkan oleh BTU, UPK mempergiatkan bengkel penulisan dan penerbitan. Hasil pelaksanaan, penerbitan buku dan jurnal dari kalangan warga UiTMPs telah melebihi sasaran PI bagi tahun 2022.

Dalam memartabatkan inovasi produk berpotensi untuk dikomersialkan, UPIK **memperhebatkan promosi pendaftaran harta intelek dan perkongsian maklumat dari pihak Technoventure dan BITCOM**. UPIK juga menganjurkan **Seminar on Innovation and Creativity sebagai platform cetusan inovasi dan kreativiti** dari kalangan warga UiTMPs. Hasil pelaksanaan, **penyelidik UiTMPs berjaya mengkomersialkan produk inovasi hasil daripada penyelidikan harummanis iaitu produk Linifera Beauty seperti Rajah 1.2(e)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_K01_KB02_20231_Rajah 1.2\(a\).pdf](#)
2. [K0033_K01_KB02_20232_Rajah 1.2\(b\).pdf](#)
3. [K0033_K01_KB02_20233_Rajah 1.2\(c\)..pdf](#)
4. [K0033_K01_KB02_20234_Rajah 1.2\(d\).pdf](#)
5. [K0033_K01_KB02_20235_Rajah 1.2\(e\)..pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMPs merupakan satu-satunya kampus di UiTM yang mempunyai bahagian yang diketuai Timbalan Rektor dalam menguruskan tadbir urus dan pelaporan KPI/PI di bawah dua Timbalan Naib Canselor berbeza iaitu:

1. Tadbir urus dan pelaporan penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan di bawah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (RMC) UiTM.
2. Tadbir urus dan pelaporan jaringan industri, masyarakat, alumni dan keusahawanan di bawah Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM.

Timbalan Rektor PJIMA bergandingan dengan koordinator unit dan staf PJIMA seperti di Rajah 1.2(a) senantiasa memastikan operasi, tadbir urus dan fungsi Unit Pengurusan Penyelidikan, Unit Penerbitan dan Kecemerlangan, Unit Pengurusan Inovasi dan Kepakaran, Unit ICAN, Unit Keusahawanan, Unit UiTM Press dan Unit Pentadbiran Am PJIMA **adalah mantap dan cemerlang dalam memberikan perkhidmatan** sepertimana yang telah digariskan oleh RMC dan ICAN UiTM.

Bagi merealisasikan Misi UiTM, **Timbalan Rektor PJIMA telah bertindak secara efisien dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan** yang telah dirancang berdasarkan Hala Tuju Strategik UiTMPs 2022, di mana telah membolehkan warga UiTMPs sentiasa bersedia menghadapi cabaran-cabaran dan isu-isu dalam mencapai Pelan Strategik UiTM 2025.

Perancangan Strategik PJIMA berpandukan Hala Tuju Strategik UiTMPs 2022 adalah dilaksanakan seperti berikut dan contohnya di **Rajah 1.3(a), 1.3(b) dan 1.3(c)**.

- a) Mensasarkan program dan perancangan strategik dalam melaksanakan pencapaian petunjuk prestasi 2022 bagi penyelidikan dan penerbitan.
- b) **Mempergiatkan hebahan Semarak Penyelidikan** untuk mempertingkatkan jumlah penyelidikan dan perolehan dana penyelidikan.
- c) Menyeragamkan urusan tadbir urus dan proses kewangan geran penyelidikan melalui iGrant2u.
- d) Menyediakan ruang latihan serta memberi peluang untuk staf mengikuti latihan dalam dan luar kampus dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.
- e) **Memperkenalkan insentif seperti MyIP, MyIndexed Journal, MyImpact Journal, MyIndustry Publication, MyInovasi, MyIncentive dan My Product**
- f) Melaksanakan Symposium on Innovation and Creativity 2022 yang bertujuan untuk meningkatkan aktiviti dan kreativiti di kalangan warga.
- g) **Memperbanyakkan kolaborasi MoU/MoA** dengan agensi awam dan swasta serta universiti nasional dan antarabangsa dalam usaha meletakkan UiTM di peringkat global.
- h) Menggalakkan penglibatan staf di media massa dan media sosial untuk perkongsian kepakaran.
- i) Memberi ruang untuk warga penyelidik berinisiatif mengikut kepakaran masing-masing pendaftaran harta intelek dalam membangunkan produk inovasi yang boleh dikomersialkan.

j) Menyediakan program pengiktirafan dan penghargaan seperti **Majlis Anugerah Semarak Sanjung 2022**, dengan memberikan ganjaran dan anugerah bagi meningkatkan kecemerlangan dalam bidang tumpuan.

UiTMPs merupakan antara kampus yang aktif dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang berperanan penting dalam menyumbang kepada pencapaian Perancangan Strategik UiTM2025. Dalam usaha mencapai objektif dan inisiatif yang ditetapkan, **kepimpinan kanan UiTMPs dan PJIMA sentiasa menjadikan kepentingan penyampaian maklumat yang berkesan kepada semua warga dapat dilakukan bagi melaksanakan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan secara berkesan**. Perluasan penyampaian maklumat yang efisien telah dilaksanakan melalui beberapa platform di Jadual **1.3(a)**.

Inisiatif-inisiatif strategik yang dijalankan ini berjaya membuktikan kejayaan kepimpinan kanan UiTMPs dengan penganugerahan yang diterima oleh kampus dalam bidang penyelidikan dan penerbitan pada tahun 2022 iaitu **Top 1 Penerbitan Antara Kampus Cawangan UiTM 2022, Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: International 2022 dan Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: National 2022 (Rajah 1.3(d))**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB03_20231_Rajah 1.3\(a\).pdf](#)
2. [K0033_K01_KB03_20232_Rajah 1.3\(b\).pdf](#)
3. [K0033_K01_KB03_20233_Rajah 1.3\(c\).pdf](#)
4. [K0033_K01_KB03_20234_Jadual 1.3\(a\).pdf](#)
5. [K0033_K01_KB03_20235_Rajah 1.3\(d\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penglibatan kepimpinan tertinggi di dalam proses pemantauan dan penambahbaikan dilakukan secara strategik dan berkala bagi memastikan isu-isu dalam bidang tumpuan sentiasa dikenalpasti, ditambah baik dan disemak semula. Menerusi Bengkel Perancangan Strategik yang diadakan setiap tahun, **kepimpinan kanan telah menyediakan kerangka hala tuju pencapaian strategik kampus**. Penyelaras Unit Perancangan Strategik dilantik bagi memantau pencapaian projek-projek di bawah inisiatif strategik UiTMPs. **Melalui sistem Prime dan iRESS, Koordinator UPP, UP dan UPIK berupaya memantau pencapaian projek-projek** di bawah inisiatif strategik bidang tumpuan.

Barisan kepimpinan UiTMPs telah melaksanakan pemantauan yang menyeluruh, konsisten dan berkala melalui siri Mesyuarat JKE, JPN dan JJN. Melalui mesyuarat-mesyuarat ini, pencapaian KPI/PI dibentangkan dan disemak oleh kepimpinan tertinggi kampus dan usaha penambahbaikan akan diambil bagi PI yang tidak memenuhi sasaran. Pelaporan pencapaian dan isu-isu yang dibincangkan dalam mesyuarat ini juga akan dimajukan ke Jawatankuasa Penyelidikan Induk Universiti (JKIPU) seperti di **Rajah 1.4.1(a)**.

Bahagian PJIMA memandang serius terhadap pemantauan pencapaian projek-projek di bawah KPI/PI bidang tumpuan. **Pembentangan pencapaian penyelidikan, penerbitan dan inovasi dilakukan dua kali setahun oleh Timbalan Rektor PJIMA melalui Mesyuarat Akademik UiTMPs seperti di Rajah 1.4.1(b)**. Melalui pembentangan ini, pensyarah dan fakulti boleh mengenalpasti sasaran PI masing-masing yang belum tercapai atau perlu diambil tindakan susulan.

Dalam usaha memastikan tadbir urus dana penyelidikan lebih bersistematik, PJIMA telah mewujudkan **Garis Panduan Dana Pembudayaan Penyelidikan Dalaman (DPPD)**. Tujuan utama DPPD UiTMPs ialah untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan di kalangan pensyarah dan **dana ini juga akan menjadi pemangkin kepada permohonan dana penyelidikan lain, penerbitan berindeks dan produk inovasi** Strategi ini telah berjaya mencetuskan transformasi yang sangat besar dalam sejarah penyelidikan dan penerbitan UiTMPs. Ini dapat dilihat melalui peningkatan pencapaian geran penyelidikan dan penerbitan seperti di **Rajah 1.4.1(c)**.

iGrant2u telah diperkenalkan oleh Timbalan Rektor PJIMA sebagai one-stop-document centre UiTMPs. iGrant2u mengandungi dokumen dan maklumat berkaitan pengurusan penyelidikan dan ia **boleh diakses oleh penyelidik UiTMPs melalui laman web PJIMA**. **Perlaksanaan perolehan geran penyelidikan dan hasil penyelidikan pula akan dipantau oleh UPP melalui sistem iRESS (Rajah 1.4.1(d))**.

Di samping itu, pihak kepimpinan kanan sentiasa memastikan promosi pendaftaran harta intelek dan pemantauan prestasi produk inovasi yang boleh dikomersialkan dilaksanakan melalui Koordinator UPIK PJIMA seperti di **Rajah 1.4.1(e)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_K01_KB04_KC01_20231_Rajah 1.4.1\(a\).pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC01_20232_Rajah 1.4.1\(b\)..pdf](#)
3. [K0033_K01_KB04_KC01_20233_Rajah 1.4.1\(c\)..pdf](#)
4. [K0033_K01_KB04_KC01_20234_Rajah 1.4.1\(d\).pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko memainkan peranan penting ke arah mengenalpasti, merangka serta mengambil tindakan sekiranya sesuatu sasaran yang telah ditetapkan tidak berada pada kedudukan yang baik untuk dicapai. **Dalam memantapkan pengurusan kampus, kepimpinan kanan telah mengambil inisiatif dengan memperkasakan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) UiTMPs** dengan melantik Penyelaras Risiko yang melapor terus kepada Rektor.

Penglibatan pengurusan kanan dalam aktiviti, program dan mesyuarat merupakan **kaedah proaktif** yang telah dilaksanakan dalam memastikan semua pihak pengurusan UiTMPs bersama-sama mengenalpasti risiko dengan cara yang lebih efisien. **JPR telah beroperasi secara dua hala iaitu top-down dan bottom up** di mana **tadbir urus JPR merangkumi mengenal pasti risiko dari setiap bahagian, fakulti dan unit, menyelaraskan risiko berkaitan, membuat pelaporan** dan membentangkan maklumat risiko, tindakan pencegahan serta inisiatif penambahbaikan kepada kepimpinan tertinggi kampus seperti di **Rajah 1.4.2**.

Setiap bahagian, fakulti dan unit telah berjaya menyediakan Daftar Risiko bagi tahun 2022 masing-masing. Risiko-risiko yang telah dikenalpasti ini **telah didaftarkan oleh JPR UiTMPs di dalam sistem eRMS** yang telah dibangunkan oleh UPR UiTM bagi mengawalselia risiko dengan lebih sistematik, efisien dan teratur. Mesyuarat JPR bersama wakil PTJ diadakan secara berkala bagi tujuan membuat semakan semula risiko yang dikenalpasti dari setiap bahagian, fakulti dan unit di UiTMPs.

Risiko-risiko yang menjurus kepada penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan **telah dikenalpasti oleh PJIMA dan didaftarkan dalam sistem eRMS adalah dalam kategori risiko rendah dan sederhana** seperti di **Lampiran 1.4.2**. Risiko-risiko yang dikenalpasti dalam bidang tumpuan adalah melibatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang belum mencapai sasaran. Risiko-risiko ini adalah dikenalpasti berpunca dari kurangnya pendedahan warga UiTMPs berkenaan permohonan geran antarabangsa dan kurangnya jalinan kolaborasi antara UiTMPs dengan universiti di luar negara.

Tindakan pencegahan bagi risiko-risiko yang dikenalpasti telah **dilaksanakan melalui pemantauan berkala dan pembentangan strategi oleh Pemilik Risiko seperti di Lampiran 1.4.2(b)** di dalam Mesyuarat JPR untuk mengurangkan impak risiko. Seterusnya pihak pengurusan tertinggi UiTMPs bersama ahli jawatankuasa yang berkaitan telah merancang, melaksana dan membudayakan pelbagai inisiatif, kaedah dan pendekatan penambahbaikan bagi mengurus risiko yang telah dikenalpasti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB04_KC02_20231_Lampiran 1.4.2.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC02_20232_Rajah 1.4.2.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB04_KC02_20233_Lampiran 1.4.2\(b\).pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan UiTMPs amat memahami bahawa adalah penting untuk sentiasa memantau dan memastikan tindakan penambahbaikan adalah efisien dan sesuai untuk mencegah risiko dari berulang.

Pada tahun 2021, tren atau corak pemerolehan geran penyelidikan UiTMPs menunjukkan peningkatan yang positif. **UiTMPs merupakan kampus cawangan No 1 yang memperoleh dana FRGS dengan 21 geran penyelidikan, 6 geran antarabangsa, 3 geran SRP berjumlah (RM90,000) dan 1 Geran Asia Pacific Network bernilai USD50K (RM208,000).** Bagi permohonan harta intelek pula, sebanyak 30 permohonan telah dibuat dan 6 permohonan telah mendapat kelulusan. Bagi penulisan jurnal berindeks pada tahun 2021, kita telah berjaya mencapai 81 artikel dalam SCOPUS/WoS/ERA. Ini merupakan sejarah yang dilakar hasil kesungguhan seluruh warga UiTMPs. Kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kepimpinan kanan UiTMPs untuk terus menerajui kampus ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi memastikan semua warga UTMPs sentiasa memahami dan bekerjasama dalam menangani dan mencegah risiko berkaitan bidang tumpuan di masa hadapan, **Rektor membentangkan inisiatif strategik** yang telah dirancang melalui **Amanat Rektor UiTMPs 2022** seperti di **Rajah 1.4.3(a)**. Menurut amanat tersebut, dalam pemantapan penyelidikan, penerbitan dan inovasi, pengurusan tertinggi telah mengusulkan **12 inisiatif strategik PJIMA yang akan dilaksanakan pada tahun 2022** seperti di **Rajah 1.4.3(b)**.

Dalam merealisasikan inisiatif strategik yang telah dirancang, **pihak PJIMA melalui Koordinator unit menjalankan pemantauan dan memastikan tindakan diambil bagi setiap inisiatif** Koordinator-kordinator setiap unit berperanan untuk memantau dan melaporkan secara terus kepada kepimpinan kanan di dalam Mesyuarat JPN dan JJN berkaitan prestasi penerbitan, penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan yang dijalankan di UiTMPs. Mereka juga berperanan untuk menyampaikan secara terus maklumat berkaitan dengan bidang tumpuan kepada warga UiTMPs melalui hebahan poster, bengkel dan taklimat yang dijalankan.

Setiap unit di PJIMA telah diamanahkan untuk memastikan inisiatif strategik yang telah diusulkan oleh pengurusan tertinggi dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Oleh yang demikian, pelbagai program pemantapan penyelidikan, penerbitan dan inovasi telah giat dilaksanakan oleh UPP, UPK dan UPIK pada tahun 2022 seperti di **Rajah 1.4.3(c), 1.4.3(d) dan 1.4.3(e)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB04_KC03_20231_Rajah 1.4.3\(a\).pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC03_20232_Rajah 1.4.3\(b\).pdf](#)
3. [K0033_K01_KB04_KC03_20233_Rajah 1.4.3\(c\).pdf](#)
4. [K0033_K01_KB04_KC03_20234_Rajah 1.4.3\(d\).pdf](#)
5. [K0033_K01_KB04_KC03_20235_Rajah 1.4.3\(e\).pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan kepimpinan kanan UiTMPs mencapai objektif dan inisiatif strategik dapat dilihat dengan Anugerah Pencapaian yang diperolehi oleh UiTMPs bagi tahun 2022 seperti **Rajah 1.5(a)**.

1. Top 1 Penerbitan Antara Kampus Cawangan UiTM 2022
2. Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: International 2022
3. Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: National 2022
4. Tempat ke-2 Anugerah Penjanaan Dana Tertinggi (External Funding) Peringkat Kampus UiTM
5. Tempat ke-3 Community Program Awards: Impactful Industry/Alumni Collaboration Peringkat Kampus UiTM

Kejayaan-kejayaan ini adalah **hasil inisiatif** strategik yang telah diukur melalui **penghasilan inovasi** dan pemantauan yang efisien. Kepimpinan kanan telah berjaya memimpin staf UiTMPs untuk penghasilan penyelidikan, penerbitan dan inovasi yang memberi impak positif dalam menyokong hala tuju universiti dan seterusnya membantu pencapaian inisiatif strategik UiTMPs.

(i) Inovasi Melalui Pemberian Insentif

Pengurusan tertinggi UiTMPs telah memperkenalkan beberapa insentif bidang penyelidikan dan penerbitan seperti yang dibentangkan dalam Amanat Rektor dalam **Rajah 1.5(b)**:

Pertama: MyIncentive 2022. Insentif sebanyak RM500 akan ini diberikan kepada Ketua Penyelidik yang berjaya mendapat dana penyelidikan luar UiTM;

Kedua: MyIndustry Publication 2022. Insentif sebanyak RM100 akan diberikan kepada setiap pensyarah yang berjaya menerbitkan jurnal/prosiding berindeks dengan kolaborasi industri;

Ketiga: MyIndexed Journal 2022. Insentif sebanyak RM100 akan diberikan untuk setiap penerbitan jurnal berindeks;

Keempat: MyImpact Journal 2022. Insentif sebanyak RM500 akan diberikan untuk setiap penerbitan Q1 dan RM300 untuk penerbitan Q2 berdasarkan Journal Citation Report (JCR); dan

Kelima: MyRIG 2022. Insentif RM1000 akan diberikan untuk setiap RIG yang mendapat penarafan 5 bintang.

Keenam: MyInovasi 2021. Insentif RM300 bagi menggalakkan penglibatan warga kampus dalam program inovasi berimpak tinggi,

Ketujuh: MyProduct 2022. Insentif RM1000 akan diberikan sebagai galakan kepada penghasilan produk yang dikomersialkan di kalangan Pensyarah UiTMPs.

Kelapan: MyIP 2021. Insentif RM100 diberikan untuk terus mengekalkan jumlah harta intelek melalui copyright.

(ii) Inovasi Melalui Penganjuran Program Inovasi dan Kreatif

Rektor amat menggalakkan untuk **diteruskan program seperti i-DeA, iMITSIC, i-TeLearn dan SIC** seperti di **Rajah 1.5(c)** secara berkala. Program-program sebegini dapat memberi platform kepada warga UiTMPs untuk melibatkan diri dalam bidang inovasi. Lebih membanggakan, UiTMPs sudah mula melihat kejayaan warganya dalam program inovasi berimpak tinggi seperti di Malaysia Technology Expo (MTE), International Invention, Innovation and Technology (ITEX) dan Seoul International Invention Fair (SIIF) serta satu produk berjaya dikomersialkan pada tahun 2022 (**Rajah 1.5(d)**).

(iii) Inovasi Melalui Pengiktirafan dan Penganugerahan

Kepimpinan kanan UiTMPs sangat menghargai usaha dan sumbangan warga UiTMPs dalam menghasilkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. PJIMA telah menganjurkan **Majlis Anugerah Semarak Sanjung 2022 diadakan bagi menghargai warga UiTMPs yang banyak memberi sumbangan dalam bidang penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan** sepanjang tahun 2022 seperti di **Rajah 1.5(e)**. Penganugerahan ini mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan warga kampus dan mempertingkatkan lagi motivasi untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

Kecemerlangan yang diraih ternyata mendapat pengiktirafan tertinggi hasil daripada usaha kepimpinan kanan yang memastikan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. **Pembudayaan kepimpinan melalui tadbir urus cemerlang pengurusan tertinggi UiTMPs** dan PJIMA, **kerjasama efisien kesemua warga UiTMPs** dan pelbagai pelaksanaan inovasi yang berasaskan pelan strategik tersusun **telah melonjakkan UiTMPs bukan sahaja di mata UiTM malah ke peringkat antarabangsa.**

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB05_20231_Rajah 1.5\(a\).pdf](#)
2. [K0033_K01_KB05_20232_Rajah 1.5\(b\).pdf](#)
3. [K0033_K01_KB05_20233_Rajah 1.5\(c\).pdf](#)
4. [K0033_K01_KB05_20234_Rajah 1.5\(d\).pdf](#)
5. [K0033_K01_KB05_20235_Rajah 1.5\(e\).pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan pelan tindakan strategik yang mantap merupakan salah satu elemen terpenting dalam merealisasikan hasrat UiTM Cawangan Perlis untuk menjadi sebuah kampus yang unggul terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 telah dibangunkan berpandukan sumber rujukan utama iaitu Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Terdapat lapan (8) agenda utama di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 ini iaitu (i) Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan, (ii) Pendidikan Berkualiti, (iii) Graduan yang Seimbang, (iv) Industri, Komuniti, Alumni dan Perkongsian Pintar, (v) Penjana Pendapatan, (vi) Kecemerlangan Bakat dan Operasi (vii) Keterlihatan dan Impak dan (viii) Kampus Lestari.

Setiap agenda pula mempunyai projek-projek tertentu yang telah ditetapkan. Bidang penerbitan dan penyelidikan berada di bawah agenda Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan manakala bidang pengkomersilan berada di bawah agenda Graduan yang Seimbang, Industri, Komuniti, Alumni dan Perkongsian Pintar dan Penjana Pendapatan. Semua projek yang termaktub di bawah pelan ini telah didaftarkan ke sistem SAP Online yang dibangunkan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan dipantau secara berkala. Segala perancangan yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 telah disampaikan kepada warga kampus melalui pelbagai wadah, di antaranya Amanat Tahunan Rektor dan juga Majlis Penyampian Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) atau KPI dan Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator*) atau PI peringkat kampus.

UiTM Cawangan Perlis juga memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2022 menerusi mekanisma pemantauan dan penilaian yang bersistematik serta berterusan melalui beberapa cara yang sistematik misalnya penggunaan sistem UePMO untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus sepanjang tahun. Setiap projek yang telah dirancang akan dilaporkan tahap kemajuannya oleh PSTU kampus di dalam sistem SAP Online. Selain itu, kemajuan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTM Cawangan Perlis secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun. Perlaksanaan pelan tindakan strategik kampus ini sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa untuk memastikan UiTM Cawangan Perlis mencapai keunggulan segenap aspek terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Perlis untuk mencapai semua sasaran *Key Performance Indicators* (KPI) dan *Performance Indicators* (PI) yang telah ditetapkan oleh universiti termasuklah KPI dan PI yang melibatkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan bagi tahun 2022.

Bagi mencapai hasrat ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak UiTM Cawangan Perlis. Di antara usaha yang telah dijalankan ialah melantik seorang Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) untuk menyelaras semua aktiviti di bawah Unit Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perlis (*Bukti – Surat Lantikan PSTU*). Berikut adalah skop tugas dan tanggungjawab PSTU:

1. Menyelarass penyediaan pelan strategik UiTM Cawangan Perlis.
2. Memantau pelaksanaan projek-projek yang dirancang di bawah pelan strategik.
3. Menyelarass penyediaan pelaporan pencapaian prestasi bulanan, suku tahunan dan tahunan UiTM Cawangan Perlis.
4. Menyelarass keperluan data dan maklumat yang dipohon oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Selain itu, seramai 4 orang Ahli Jawatankuasa Induk Pelan Tindakan Strategik Kampus yang terdiri daripada pensyarah dari pelbagai fakulti telah dilantik bagi membantu tugas-tugas PSTU (*Bukti – Surat Lantikan AJK Induk Strategik*). Skop tugas dan tanggungjawab ahli jawatankuasa perancangan strategik kampus adalah seperti berikut:

1. Membantu dalam Menyelarass penyediaan pelan strategik UiTM Cawangan Perlis.
2. Membantu dalam memantau pelaksanaan projek-projek yang dirancang di bawah pelan strategik.
3. Membantu dalam Menyelarass penyediaan pelaporan pencapaian prestasi bulanan, suku tahunan dan tahunan UiTM Cawangan Perlis.
4. Membantu dalam Menyelarass keperluan data dan maklumat yang dipohon oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_P01_PB02_20231_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB02_20232_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.2docx.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pembangunan pelan tindakan strategik yang mantap merupakan salah satu elemen terpenting dalam merealisasikan hasrat UiTM Cawangan Perlis untuk menjadi sebuah kampus yang unggul terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 telah dibangunkan berpandukan sumber rujukan utama iaitu Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Terdapat lapan (8) agenda utama di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 ini iaitu (i) Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan, (ii) Pendidikan Berkualiti, (iii) Graduan yang Seimbang, (iv) Industri, Komuniti, Alumni dan Perkongsian Pintar, (v) Penjana Pendapatan, (vi) Kecemerlangan Bakat dan Operasi (vii) Keterlihatan dan Impak dan (viii) Kampus Lestari. Semua projek yang termaktub di bawah pelan ini telah didaftarkan ke sistem SAP Online yang dipantau oleh Bahagian Transformasi Universiti dari masa ke semasa. Segala perancangan yang terdapat di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 ini telah disampaikan kepada warga kampus melalui pelbagai wadah, di antaranya Amanat Tahunan Rektor dan juga Majlis Penyampian Sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) dan *Performance Indicator* peringkat kampus. UiTM Cawangan Perlis juga memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2022 menerusi mekanisma pemantauan dan penilaian yang bersistematik serta berterusan melalui beberapa cara yang sistematik misalnya penggunaan sistem UePMO untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus sepanjang tahun.

Selain itu, kemajuan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTM Cawangan Perlis secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun. Perlaksanaan pelan tindakan strategik kampus ini sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa untuk memastikan UiTM Cawangan Perlis mencapai keunggulan segenap aspek terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Oleh itu, objektif dan inisiatif perancangan strategik yang teratur, sistematik dan realistik telah dirancang bagi mencapai objektif kualiti UiTM Cawangan Perlis yang melibatkan penglibatan keseluruhan warga kampus.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB03_20231_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.1.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB03_20233_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.3.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB03_20234_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.4.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB03_20234_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTM Cawangan Perlis memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2022 menerusi mekanisma pemantauan dan penilaian yang bersistematik serta berterusan. Sistem UePMO v3 yang dibangunkan oleh BTU digunakan untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus setiap bulan (*Bukti – Sistem UePMO v3*). Setiap projek di bawah Pelan Tindakan Strategik yang telah dirancang akan dilaporkan tahap kemajuannya oleh PSTU kampus di dalam sistem SAP Online (*Bukti – Sistem SAP Online*). Selain itu, kemajuan projek melalui tanda aras pengukuran secara berkala dan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTM Cawangan Perlis secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun. (*Bukti - Keratan minit mesyuarat*)

Selain itu, terdapat satu inovasi yang telah diwujudkan untuk membantu dalam pemantauan pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang berkaitan dengan bidang penerbitan dan penyelidikan di UiTM Cawangan Perlis. Sebuah sistem *dashboard* Pemantauan PI Penerbitan dan Penyelidikan UiTM Cawangan Perlis telah dibangunkan oleh Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti UiTM Cawangan Perlis. Sistem *dashboard* ini dapat memaparkan maklumat terperinci secara visual seperti carta dan graf bagi membantu memudahkan pihak pengurusan UiTM Cawangan Perlis dalam memantau dan menilai kemajuan terkini setiap fakulti dalam mencapai PI penerbitan dan penyelidikan yang telah disasarkan. Selain dari menjimatkan masa, sistem ini juga membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan untuk mempertingkatkan lagi pencapaian PI kampus (*Bukti – screenshot dari sistem dashboard*).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_P01_PB04_PC01_20231_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC01_20232_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC01_20233_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC01_20234_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.4.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Semua projek yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Srategik 2022 telah didaftarkan di sistem SAP Online. Semua projek perlu dinilai dan dikenalpasti tahap risiko samada rendah, sederhana, tinggi atau ekstrem dan turut didaftarkan ke sistem SAP Online. Untuk projek yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dan ekstrem, pelan mitigasi telah dirancang dan direkodkan. (*bukti – sistem SAP online*) Jika berlaku sebarang masalah atau halangan semasa projek sedang berjalan, pelan mitigasi akan dilaksanakan bagi memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI dan PI yang telah ditetapkan UiTM kepada UiTM Cawangan Perlis.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB04_PC02_20231_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.1.pdf](#)

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Peratusan pencapaian projek dianalisis di dalam sistem UePMO v3 (*Bukti - screenshot UePMO v3*) secara berkala secara bulanan serta suku tahunan. Pencapaian kemajuan perlu dianalisis bagi memastikan pencapaian output adalah kekal selari dengan hala tuju UiTM Cawangan Perlis secara khasnya dan UiTM secara amnya.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB04_PC03_20231_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.1.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INOVASI YANG TERHASIL DARI PELAKSANAAN ATAU PENAMBAHBAIKAN PERANCANGAN STRATEGIK

Beberapa inovasi telah terhasil melalui pemantapan dan penambahbaikan Pelan Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022. Inovasi-inovasi tersebut sangat membantu di dalam pelaksanaan perancangan strategik kampus. Antara inovasi yang berjaya dihasilkan adalah:

1. Penghasilan Dokumen Pelan Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 yang menjadi sumber rujukan utama untuk memastikan semua perancangan yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 berjaya dicapai. Semua projek yang termaktub di bawah pelan ini telah didaftarkan ke sistem SAP Online. (*Bukti - Pelan Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022*).
2. Pembangunan Sistem *Dashboard* Pemantauan PI Penerbitan dan Penyelidikan UiTM Cawangan Perlis oleh Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti UiTM Cawangan Perlis. Sistem ini dapat memaparkan maklumat terperinci secara visual seperti carta dan graf bagi membantu memudahkan pihak pengurusan UiTM Cawangan Perlis dalam memantau dan menilai kemajuan terkini setiap fakulti dalam mencapai PI penerbitan dan penyelidikan yang telah disasarkan. (*Bukti – Sistem Dashboard*).
3. Menjadikan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) sebagai ahli turut hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif di mana PSTU dapat menyampaikan maklumat secara terus mengenai pelan perancangan strategik kampus dan juga pencapaian terkini KPI dan PI kampus (*Bukti – Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif*).
4. Penubuhan “Group WhatsApp” di Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) bersama dengan Ahli Jawatankuasa Perancangan Strategik Kampus untuk membantu dalam pemantauan dan penambahbaikan perancangan strategik UiTM Perlis serta pencapaian KPI dan PI UiTM Perlis (*Bukti- screenshot Whatapp group*).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB05_20231_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB05_20232_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.2.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB05_20233_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.3.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB05_20234_UiTMPs_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.4.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan UiTMPs ditakrifkan sebagai individu atau pihak yang terlibat secara langsung dan memainkan peranan penting di dalam penyelidikan dan penerbitan dan pengkomersialan UiTMPs. Selari dengan anjakan paradigma utama UiTM Cawangan Perlis membudayakan bidang-bidang utama seperti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Demi memastikan agenda tumpuan pelanggan dapat melahirkan satu ekosistem yang holistik dan kondusif, perancangan UiTMPS diselarakan dengan pelan strategik UiTM2025 yang memberi penekanan agresif untuk memacu universiti ke taraf global. Ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (RMKe-11 UiTM), yang bertujuan untuk menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti untuk mencapai status negara maju.

Pelanggan atau kumpulan sasar ini dikenalpasti melalui beberapa kaedah tertentu di mana pelanggan dalaman sebagai contoh dikenalpasti menerusi bidang kepakaran, penerbitan dan penglibatan dalam gerak kerja penganjuran program-program kampus manakala pelanggan luaran pula melalui kerjasama penyelidikan serta penganjuran program dan penerbitan bersama, penajaan dan perjanjian menerusi memorandum perjanjian (MoA) dan memorandum persefahaman (MoU).

Selain daripada itu, penglibatan di dalam program anjuran kampus serta program pemindahan ilmu turut merupakan satu instrumen yang berkesan. Oleh itu, semua maklumat yang diperolehi, dikumpul dan disimpan dalam bentuk data yang besar dan bersistematik. Untuk itu, pelanggan dikenalpasti melalui fungsi mereka berdasarkan keperluan. Kehendak serta jangkauan pelanggan dapat melaksanakan dan dikelola dengan sistematik dan menyeluruh.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran dan staf sokongan UiTMPs (**Rajah 3.2.1**). Staf akademik yang ditafsirkan melalui profil kepakaran. Staf akademik berperanan sebagai pendidik, penyelidik, pakar rujuk dan menjalinkan hubungan mobiliti antarabangsa dan di dalam khidmat masyarakat. Staf pentadbiran terdiri daripada staf pentadbiran dan staf sokongan. Staf pentadbiran am berfungsi mengikut spusat tanggungjawab (PTJ) iaitu Pejabat Dekan, Pejabat Hal Ehwal Akademiik (HEA), Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Pejabat Jaringan Industri & Alumni (PJIA).

Pelanggan luaran pula didefinisikan sebagai pemegang taruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti pelajar, komuniti setempat, industri dan agensi tempatan dan antarabangsa (**Rajah 3.2.1**). Pelajar ditakrifkan sebagai pelanggan luaran yang menerima faedah secara langsung daripada pelanggan dalaman. Untuk memanfaatkan segala kelebihan yang ada bagi mejayakan bidang tumpuan mengikut pelan tindakan strategik, UiTMPs juga sangat aktif menjalinkan hubungan dengan pihak industri, agensi-agensi kerajaan, universiti awam dalam dan luar negara melalui perjanjian MOA/MOU, pembiayaan geran penyelidikan, penerbitan bersama dan penajaan strategik bagi program yang dianjurkan (**Rajah 3.2.2**).

Kedua- dua pelanggan ini menjadi tunjang dalam pemantapan dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan UiTMPs. Sinergi dinamik di antara UiTMPs dan pelanggan digambarkan melalui hubungkait yang seimbang dan menguntungkan antara kedua pihak.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_T01_TB02_20231_Rajah 3.2.1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB02_20232_Rajah 3.2.2.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTM Cawangan Perlis sememangnya memerlukan pengumpulan maklumat yang tepat kepada kumpulan sasar dalam usaha untuk menyempurnakan keperluan pelanggan secara sistematik dan menyeluruh. Untuk pelanggan dalaman, antara langkah yang digunakan bagi memperoleh maklumat seperti pembukaan geran luaran dan dalaman melalui hebahan e-mail dan poster (**Rajah 3.3.1 & Rajah 3.3.2**). Selain itu, penubuhan RIG juga merupakan platform yang meningkatkan kejayaan UiTM Cawangan Perlis dalam bidang penyelidikan (**Rajah 3.3.3**).

Bagi pelanggan luaran pula, platform yang digunakan laman sosial rasmi fakulti dan kampus seperti Facebook dan Twitter, aplikasi Whatsapp dan Twitter. Platform ini digunakan dengan mewujudkan sesi perkongsian melalui Facebook Live dan Youtube, kaji selidik pasaran menerusi google form, lawatan industri oleh pensyarah dan pelajar serta lantikan pensyarah pelawat di universiti yang menjayakan MoA/MoU dengan UiTM Cawangan Perlis. Platform yang digunakan merupakan bersifat dua hala yang mana maklumat maklum balas pelanggan diperolehi dan aspirasi kampus disampaikan (**Rajah 3.3.4**).

Akhir sekali, semua maklumat yang diperolehi dikumpul dan disimpan dalam bentuk data besar yang bersistematik yang mana kemudiannya diwartakan di dalam Perancangan Strategik Kampus. Sistem penyimpanan data dan maklumat berkaitan penyelidikan, penerbitan dan perundingan adalah di dalam PRIME.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB03_20231_Rajah 3.3.1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB03_20232_Rajah 3.3.2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB03_20233_Rajah 3.3.3.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB03_20234_Rajah 3.3.4.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB03_20235_Rajah 3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Diantara insentif yang diberikan oleh UiTMPs kepada staf akademik dalam menjayakan bidang tumpuan adalah pemberian insentif penggalakan permohonan geran penyelidikan yang menggunakan konsep MyIncentive yang memberi insentif sebanyak RM200 (**Rajah 3.4.1.1**). Pemberian insentif juga di beri kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan jurnal Q1 dan Q2 melalui program MyImpactJournal dan MyIndexedJournal (Rajah 3.4.1.2)

Selain itu, MyICANReport adalah insentif yang diberikan kepada jumlah pelaporan bekeaan komuniti, alumni dan jaringan industri oleh Fakulti/Bahagian/Unit di UiTMPs (**Rajah 3.4.1.3**). Manakala Program MyJana Campus diberikan sebanyak RM400 kepada pengiktirafan yang berjaya menganjurkan aktiviti berimpak tinggi bersama rakan MoU/MoA, Komuniti dan Alumni dengan keuntungan melebihi pendapat RM3000 (**Rajah 3.4.1.4**).

UiTM juga menganjurkan Majlis Anugerah penghargaan seperti Anugerah Inovasi, Anugerah Harta Intelek dan Anugerah Semarak Penyelidikan/Penerbitan bagi memberi pengiktirafan penglibatan pelanggan dalaman dan luaran (**Rajah 3.4.1.5**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_T01_TB04_TC01_20231_Rajah 3.4.1.1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC01_20232_Rajah 3.4.1.2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC01_20233_Rajah 3.4.1.3.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB04_TC01_20234_Rajah 3.4.1.4.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB04_TC01_20235_Rajah 3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMPs mengenalpasti risiko yang dihadapi model PDCA untuk tumpuan pelanggan dan saluran aduan dan maklum balas yang sepadu dan sistematik di mana kepentingan dan penilaian risiko dinyatakan dalam **Rajah 3.4.2.1**

Risiko menjadi satu ancaman yang boleh mengganggu kelancaran pengurusan dan pengoperasian UiTMPs. Langkah proaktif, preventif dan sistematik telah diambil untuk mengenalpasti risiko yang mampu menjejaskan kejayaan dan pelaksanaan maklum balas pelanggan. Antara risiko yang dikenalpasti, dari laporan tahunan unit risiko adalah kerosakan dan keretakan bangunan kolej, kekurangan pensyarah, kekurangan peralatan makmal-makmal dan alatan lain di kelas untuk kegunaan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB04_TC02_20231_Rajah 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC02_20232_PENGUMPULAN STATUS PENERBITAN PENSYARAH.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penglibatan serta maklum balas pelanggan amat diambil berat **secara proaktif** oleh pihak pengurusan dan kepimpinan kanan bagi memastikan segala aktiviti yang dilaksanakan sejajar dengan pencapaian visi dan misi kampus. Perancangan **pengurusan bersistematik** ke arah tumpuan **memenuhi keperluan dan kehendak** kumpulan sasar ditepati dan melebihi ekspektasi. Ini kerana pihak pengurusan kampus yakin faktor persekitaran kerja yang kondusif, komunikasi yang efektif dan efisien, perkhidmatan penyelidikan yang holistik serta fasiliti tersedia amat membantu dalam menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan. Bagi menjayakan perancangan yang dibuat, pengurusan kampus mengambil inisiatif dengan memastikan aktiviti yang dirangka dan dijalankan melalui proses PDCA seperti dalam **Rajah 3.8**.

Pihak pengurusan dan kepimpinan kanan kampus **komited** dalam mengambil tindakan terhadap sebarang maklum balas pelanggan yang diterima. Antaranya ialah sentiasa mengadakan perbincangan bersama ketua-ketua unit dan wakil fakulti secara *bottom up* untuk mengenalpasti maklumat dan mencari inisiatif penyelesaian serta penambahbaikan. Sebagai contoh **pemantauan berkala** secara bulanan tentang aspek pencapaian KPI oleh setiap koordinator, bagi menyelesaikan isu dan penambahbaikan strategi dari semasa ke semasa. Selain itu, pembentangan status dan pencapaian penyelidikan, jaringan, MoU, inovasi, penerbitan setiap fakulti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN) turut dilaksanakan.

Bagi memastikan pelanggan mengambil berat akan maklumat terkini, pengenalan polisi, dasar baharu untuk menyokong ekosistem ini turut diambil kira. Seterusnya, **gerak kerja dalaman** menambahbaik urustadbir Bahagian PJIM&A melalui penstrukturan semula unit-unit membolehkan portfolio lebih jelas dan khusus untuk setiap unit, Pihak PJIM&A juga sentiasa membangunkan profiling bagi mengenalpasti kekuatan pensyarah melalui data yang diperolehi melalui sistem PRISMa, IRES, SMART dan ICON.

Bagi memperkukuhkan ekosistem ini, perbincangan dan **perkongsian dua hala** juga dibuat bersama dengan institusi pengajian tinggi lain seperti UM Technovation dan USM bagi mengenalpasti penanda aras pencapaian terbaik (*benchmarking*), kaedah perjalanan dan pengoperasian sesebuah unit. Seterusnya galakan diberikan untuk setiap unit mewujudkan platform perkongsiaan di kalangan pensyarah

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB04_TC03_20231_Penstrukturan PJIM&A.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC03_20232_PENGUMPULAN STATUS PENERBITAN PENSYARAH.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC03_20233_Rajah 3.8.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada maklumbalas pelanggan, pemantauan yang berkesan dan tindakan penambahbaikan yang berterusan dalam memenuhi keperluan pelanggan telah mendokong kejayaan objektif kampus dalam bidang tumpuan. Pihak pengurusan dan kepimpinan kanan kampus berhasil melakukan inovasi penambahbaikan dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh dari segi penyelidikan dan penerbitan, beberapa dasar dan polisi baharu diperkenalkan melibatkan pemberian sembilan insentif berbeza mengikut objektif tertentu. Beberapa jenis

anugerah penghargaan juga diperkenalkan mengikut kriteria dan kategori khusus agar ianya lebih spesifik dan menyeluruh meliputi kecemerlangan seperti Majlis Anugerah Semarak Sanjung untuk meraikan individu, Research Interest Group (RIG) dan juga fakulti.

Untuk bidang penyelidikan, secara keseluruhannya UiTM Cawangan Perlis telah menjadi antara kampus cawangan yang mendapat jumlah geran tertinggi secara khususnya untuk kategori Geran FRGS sebanyak 22 projek berjumlah RM 2,042,777 dan Geran Nasional sebanyak RM 2,736,827 dan perolehan geran Antarabangsa yang terbanyak bagi tahun 2021. Manakala bagi tahun 2022 kampus UiTMPs memperoleh geran FRGS yang terbanyak bagi kategori kampus seluruh Malaysia. Ini menunjukkan prestasi UiTMPs selari atau sejajar dengan tahun yang sebelumnya. Peningkatan dalam jumlah permohonan geran dan penglibatan pensyarah dalam perundingan telah menyumbang kepada pencapaian cemerlang ini. Dari segi jumlah permohonan geran meningkat kepada 92 permohonan pada tahun 2022 berbanding 2021 hanya 48 permohonan sahaja. Manakala bilangan kumpulan *Research Interest Group* (RIG) UiTM Cawangan Perlis yang berdaftar sehingga Ogos 2022 adalah sebanyak 58 kumpulan di mana ianya turut menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Rujuk **Rajah 3.5.1.1**

Peningkatan yang mendadak juga dapat dilihat dari segi penerbitan terutamanya untuk penerbitan Journal berindeks Q1/Q2. Untuk penerbitan, secara keseluruhan, UiTM Cawangan Perlis mencatat jumlah peningkatan sebanyak 45% berbanding dengan tahun yang sebelumnya (289 penerbitan pada 2021 dan 526 pada tahun 2022) Manakala, bagi penerbitan berindeks Scopus/WoS jumlah yang setara untuk tahun 2021 dan 2022, dimana jumlah penerbitan adalah sebanyak 48. UiTM Cawangan Perlis juga telah berjaya menduduki tangga yang pertama untuk nisbah penerbitan keseluruhan kakitangan mengikut kampus seperti **Rajah 3.5.1.2**

Selain itu dari segi pendaftaran hakcipta harta intelek dan hakcipta produk inovasi (*copyright*) juga menunjukkan sedikit penurunan. Pada tahun 2021 sebanyak 18 *copyright* telah didaftarkan berbanding hanya 8 direkodkan pada tahun 2022. Manakala untuk *performance index* tidak dicatatkan untuk tahun 2022. Oleh itu kampus UiTMPs harus memberi tumpuan berkenaan *copyright* dan perlu dipertingkatkan untuk tahun seterusnya. Rujuk **Rajah 3.5.1.3**

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB05_20231_Rajah 3.1.5.1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB05_20232_Rajag 3.1.5.2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB05_20233_Rajag 3.1.5.3.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), komited dalam meletakkan UiTM Cawangan Perlis selari dengan matlamat utama iaitu Universiti Terkemuka Dunia pada tahun 2025. Bagi merealisasikan matlamat ini beberapa pelarasan dan penambahbaikan telah pun direncanakan di seluruh peringkat khususnya dalam 3 bidang tumpuan utama iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan. Sesuai dengan fungsinya dalam menggalak dan membudayakan penyelidikan kepada warga UiTM Cawangan Perlis, PJIM&A telah menganjurkan dan melaksanakan pelbagai program, bengkel dan seminar berkaitan untuk meningkatkan pencapaian penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Perancangan pencapaian Bahagian PJIM&A adalah bersumberkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Bahagian PJIM&A bertanggungjawab dalam merancang pelaksanaan bagi Petunjuk Prestasi (PI) yang telah diperincikan mengikut penanggungjawab, sasaran dan garis masa. Sistem IRES digunakan sepenuhnya bagi melancarkan aktiviti penyelidikan universiti dan maklumat berkaitan penerbitan disimpan dan dikemaskini di dalam Publication Repository Information System Management (PRISMA). Data yang direkodkan melalui sistem-sistem ini akan dijana sebagai laporan yang diterbitkan secara bulanan. Pencapaian PI bagi penyelidikan, penerbitan serta pengkomersialan akan dinilai berdasarkan Laporan Prestasi Penilaian Tahunan (LNPT) pada pertengahan dan hujung tahun.

Melalui kaedah pengukuran LNPT, analisa telah dilakukan bagi mengenalpasti prestasi pencapaian secara perbandingan, kewujudan tren, jurang dan risiko berkaitan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan. Rancangan tindakan penambahbaikan kemudian dirangka bagi mengurangkan jurang dan risiko yang boleh menyumbang kepada ketidakcapaian PI yang telah ditetapkan. Pelan penambahbaikan bagi proses, perkhidmatan dan prestasi dilaksanakan dengan penganjuran pelbagai dasar, program dan insentif bagi mendokong pencapaian Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan UiTM Cawangan Perlis.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

4.2.1 Unit Pengurusan Penyelidikan

Unit Pengurusan Penyelidikan bertanggungjawab menguruskan penyelidikan selari dengan RMC menggunakan sistem IRES bagi melancarkan aktiviti penyelidikan dan sebagai pendekatan penilaian pencapaian hasil penyelidikan (KPI) yang telah ditetapkan, pemantauan projek dan pelaporan data penyelidikan di bawah RMC.

Geran penyelidikan perlu didaftarkan di dalam sistem IRES untuk dikemaskini dan dianalisa.

Geran penyelidikan yang ditawarkan dari agensi kerajaan atau pembiaya yang disalurkan melalui IRMI akan diurus berdasarkan peraturan, pekeliling dan garis panduan sedia ada.

Strategi penggerak yang digunakan untuk memantau prestasi geran penyelidikan adalah pemantauan penghantaran laporan kemajuan yang dibuat setiap 6 bulan atau 3 bulan samada melalui sistem iRMIs, MyGRANTS atau eScienceFund, pertukaran ketua/ahli projek, pelanjutan tempoh projek, penghantaran borang tamat projek dan pengisytiharan harta penyelidikan, penghantaran laporan akhir dan permohonan pindaan vot. Kesemua laporan kemudiannya dilaporkan ke Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JKPeP-RMC). Aliran bagi setiap proses ditunjukkan secara terperinci di dalam lampiran bukti 1: *Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.1*.

Strategik penajaan geran turut diadakan seperti taklimat dan bengkel penulisan geran. Inisiatif dimana semua pensyarah yang mempunyai PhD dan tidak mengetuai mana-mana geran penyelidikan diwajibkan untuk memohon geran juga telah banyak membantu meningkatkan jumlah penerima geran (*Lampiran bukti 2: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.2*).

Jumlah geran yang diperolehi oleh setiap kampus telah dibandingkan dan digunakan untuk menilai prestasi penyelidikan diantara kampus-kampus UiTM dan mengukur pencapaian geran UiTM Perlis secara khususnya. Ini bertujuan untuk membuktikan bahawa aktiviti penyelidikan di UiTM Perlis adalah aktif dan selari dengan agenda nasional di dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

4.2.2 Unit Pengurusan Penerbitan

Bagi memenuhi PI Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perlis, pendekatan yang telah diaplikasikan adalah dengan menetapkan 7 kategori penerbitan bagi menyokong pencapaian aktiviti-aktiviti penerbitan iaitu penerbitan jurnal, seminar, buku penyelidikan, buku, bab buku/penyelidikan, umum dan kerja kreatif. Semua maklumat berkaitan penerbitan disimpan dan dikemaskini di dalam PRISMA. Laporan penerbitan kemudiannya dihantar ke Bahagian Transformasi Universiti (BTU) pada setiap bulan untuk dinilai. Aliran proses untuk menilai pencapaian prestasi penyelidikan ditunjukkan di dalam (*lampiran bukti 3: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.3*).

4.2.3 Pertandingan inovasi

Untuk menilai pencapaian prestasi, program peringkat antarabangsa ini telah dianjurkan untuk mempamer dan mempertandingkan rekacipta inovasi dan idea yang dihasilkan. Selari dengan itu, Symposium on Innovation & Creativity (SIC) 2021 dan International Innovation, Design and Articulation 2020 telah dianjurkan oleh UTM Cawangan Perlis (*Lampiran bukti 4: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.4*).

Pencapaian prestasi adalah berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang diterima bagi semua kategori, kerjasama pengkomersialan yang dapat dibentuk antara peserta dengan pihak agensi kerajaan/swasta dan penghasilan copyright/pattern bagi melindungi harta intelek yang dicipta. Kerjasama strategik dgn beberapa universiti luar, universiti dalaman, agensi kerajaan serta swasta turut dijalinan bagi memastikan kelancaran pertandingan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_A01_AB02_20231_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.1.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB02_20232_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.2.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB02_20233_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.3.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB02_20234_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.2.4.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

4.3.1 Pengukuran prestasi penyelidikan

Kriteria pengukuran mengambilkira fungsi utama penyelidik di dalam menyumbangkan geran perolehan yang dipantau bermula dari tarikh geran aktif sehingga tamat. Lanya melihat kepada aspek kemajuan prestasi projek dan prestasi kewangan projek melalui penghantaran laporan kemajuan penyelidikan atau laporan penamatan penyelidikan serta laporan akhir penyelidikan sepanjang tempoh projek yang berstatus aktif. Laporan kemajuan dihantar setiap 3 atau 6 bulan atau tertakluk kepada pembiaya dana bagi setiap projek yang diluluskan. Geran perolehan baru akan dikemaskini di dalam IRES dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat bulanan diantara setiap unit dibawah PJIM&A. Pelan Tindakan Strategik turut dirangka bagi memastikan PI yang telah ditetapkan mencapai sasaran (Lampiran bukti 1: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.3.1). Status KPI akan dilaporkan samada mancapai sasaran tercapai atau tidak mencapai. Bagi PI yang tidak mencapai sasaran, amaran akan diberikan dan agihan tahunan berikutnya hanya akan dibuat setelah penerimaan laporan kemajuan dan perbelanjaan yang melebihi/mencapai 60%. Kegagalan penghantaran laporan kemajuan secara berkala juga akan memberi kesan kepada peruntukan seterusnya.

4.3.2 Pengukuran prestasi penerbitan

Penilaian prestasi penerbitan di UiTM Cawangan Perlis mengambilkira 8 kategori PI dan perincian sasaran bagi setiap kategori ditunjukkan di dalam lampiran bukti 2: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.3.2.

HI bagi setiap PI yang dicerap daripada SCOPUS digunakan sebagai pengukuran pencapaian prestasi penerbitan di kalangan staf akademik. Proses pengumpulan dan analisa data HI bagi penerbitan yang didaftarkan di bawah PRISMA dilakukan pada setiap tahun dan akan dinilai oleh coordinator PRISMA bagi tujuan analisa tahunan. Hasil analisa ini dibentangkan kepada staf akademik semasa mesyuarat akademik untuk cadangan penambahbaikan berterusan. Unit penerbitan akan mengkaji semula langkah yang perlu diambil dan seterusnya berusaha kearah pencapaian sasaran PI.

Sehubungan dengan itu, beberapa insentif disediakan bagi menggalakkan aktiviti penerbitan (Lampiran bukti 3: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.3.3). Unit Penerbitan juga menggunakan kriteria MyRA untuk menilai insentif tersebut. Melalui insentif ini pencapaian penerbitan dikalangan penyelidik UiTM Cawangan Perlis dapat dinilai secara tidak langsung. Ini menunjukkan bahawa pencapaian aktiviti penerbitan di UiTM Cawangan Perlis boleh dibanggakan dan mampu untuk berdaya saing diperingkat yang lebih tinggi.

4.3.3 Pengukuran Inovasi

Penyertaan program di peringkat antarabangsa yang mempamer dan mempertandingkan rekacipta inovasi dan idea yang dihasilkan telah digunakan untuk menilai pencapaian prestasi dalam pengkomersilan. Pencapaian prestasi adalah berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang diterima bagi semua kategori, kerjasama pengkomersialan yang dapat dibentuk antara peserta dengan pihak agensi kerajaan/swasta dan penghasilan copyright/pattern bagi melindungi harta intelek yang dicipta.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB03_20231_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.3.1.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB03_20232_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.3.2.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB03_20233_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

4.4.1.1. Penyelidikan

Pada tahun 2022, UiTM Cawangan Perlis telah menunjukkan tren peningkatan perolehan geran pada tahun 2022 iaitu sebanyak 80 geran yang bernilai RM2,847,327.00 dengan peratusan peningkatan sebanyak 23.75% berbanding tahun 61 geran pada 2021 yang bernilai RM2,652,825.00. Sekaligus ini melonjakkan prestasi UiTM Cawangan Perlis di tangga yang pertama diantara semua kampus UiTM dan di tangga yang ketiga dalam seluruh sistem UiTM bagi pembiayaan projek FRGS.

4.4.1.2 Penerbitan

Para pensyarah UiTM Cawangan Perlis secara konsisten telah menghasilkan penerbitan melebihi 100 jurnal. Penghasilan jurnal MyCite telah menunjukkan peningkatan melebihi 200% dari tahun 2021 hingga 2022. Jurnal-jurnal yang lain seperti SCOPUS dan WUS juga turut menunjukkan tren peningkatan dari tahun 2020 sehingga 2022 (Perlis_Lampiran Pengukuran 4.4.1.2). Hasil dari pencapaian ini telah melayakkan UiTM Cawangan Perlis menerima penganugerahan dalam bidang penyelidikan dan penerbitan pada tahun 2022 iaitu **Top 1 Penerbitan Antara Kampus Cawangan UiTM 2022, Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: International 2022 dan Top 1 UiTM Campus Grant Acquisitions: National 2022** Peningkatan ini juga telah menjadi indikator bagi pengukuran kualiti penyelidikan dan daya saing para penyelidik sehingga mampu menerbitkan jurnal berindeks Scopus/WoS.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_A01_AB04_AC01_20231_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.4.1.1.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC01_20232_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.4.1.2.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

4.4.2.1 Penyelidikan

- i. Pengurangan peruntukan dana penyelidikan kebangsaan dan juga peruntukan universiti
- ii. Kegagalan mendapatkan geran disebabkan kertas cadangan yang kurang berkualiti
- iii. Penglibatan pensyarah yang kurang motivasi dalam menjalankan penyelidikan
- iv. Kekangan menyediakan kertas cadangan atas kesuntukan masa disebabkan tempoh permohonan dan bebanan tugas pengajaran

4.4.2.2 Penerbitan

- i. Penjebakkan dalam kancah penerbitan predatory
- ii. Proses penerbitan yang memerlukan tempoh yang lama
- iii. Kos penerbitan yang tinggi bagi menerbitkan jurnal berimpak tinggi
- iv. Penglibatan pensyarah yang kurang minat dalam melibatkan diri dalam penulisan
- v. Tempoh penulisan yang diperlukan juga bertambah mengikut tahap impak jurnal
- vi. Lambakan tesis pelajar sarjana muda yang tidak diterbitkan ke dalam jurnal

SENARAI BUKTI :

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

4.4.3 Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan

Penambahbaikan bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan adalah saling berkaitan. Oleh itu, tindakan sesuatu penambahbaikan boleh dijadikan serampang tiga mata dalam menangani risiko seperti program outreach yang tertumpu kepada pusat pengajian atau fakulti.

Berikut adalah senarai tindakan penambahbaikan mengikut bidang tumpuan:

4.4.3.1 Penyelidikan

- i. Tumpuan kepada penyelidikan industri dan antarabangsa serta kepimpinan UiTM Cawangan Perlis memberikan keutamaan dalam memperuntukan dana penyelidikan
- ii. Bengkel mengharmonikan kertas cadangan penyelidikan serta penglibatan RIG
- iii. Penetapan KPI serta galakan permohonan penyelidikan
- iv. Merancang bengkel penyediaan kertas cadangan secara berkala selari dengan tempoh permohonan dan jadual pengajaran pensyarah

4.4.3.2 Penerbitan

- i. Penyenaian penerbit predatory dan diwarwarkan kepada pensyarah
- ii. Bengkel untuk mengenal pasti penerbit yang bersesuaian dengan tempoh pemrosesan dan kualiti jurnal
- iii. Pengenal imbuhan atau intesif kepada penulis yang berjaya menerbitkan jurnal
- iv. Penubuhan RIG bagi menanam minat pensyarah dan memupuk kerjasama dalam penulisan jurnal
- v. Bengkel bagi strategi dan pemantapan penulisan jurnal
- vi. Bengkel bagi menukarkan tesis kepada jurnal dan pemilihan jurnal yang bersesuaian

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui Penganalisaan data, beberapa risiko telah dikenalpasti dan seterusnya tindakan penambahbaikan berterusan dan inovasi telah dilaksanakan melalui cadangan dasar, program dan insentif. Hasil inovasi atau penambahbaikan terhadap KPI didapati telah berhasil meningkatkan prestasi 3 bidang tumpuan utama iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan pengkomersialan melalui pelaksanaan pelbagai program. Lampiran bukti 1: Perlis_Lampiran Pengukuran 4.5.1 menunjukkan perincian risiko, inovasi dan program yang telah dilaksanakan di UiTM Cawangan Perlis.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB05_20231_Perlis_Lampiran Pengukuran 4.5.1.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan aspek terpenting dalam pengendalian dan pengoperasian sesebuah organisasi. Pengurusan dan pembangunan sumber manusia untuk penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) adalah bertunjangkan kepada faktor utama kegagalan UiTMPs dalam bidang tumpuan pada tahun-tahun lalu iaitu **kekurangan permohonan geran**. Oleh itu, perancangan strategik telah dibuat dan dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dan minat dalam permohonan geran. Setiap perancangan dibuat berdasarkan analisa pencapaian yang lalu dan seiring dengan matlamat utama UiTM iaitu menjadikan UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Bagi memantapkan pencapaian dalam bidang tumpuan, pendekatan **3S (screen, select, support)** telah diambil dimana setiap warga UiTMPs akan **disaring (screen)** dan dipadankan dengan bidang tumpuan yang bersesuaian dengan kekuatan individu. Staf yang berkeelayakan berdasarkan kriteria tertentu telah **dipilih (select)** untuk menyumbang kepada UiTMPs dalam bidang tumpuan dan **diberi sokongan (support)** melalui program-program latihan, diketengahkan dan dipadankan dengan institusi luar dan industri, dan diberikan penghargaan.

Pelbagai program latihan berfokus telah dijalankan untuk meningkatkan kepakaran staf yang terpilih dan turut melibatkan pelajar. Pelbagai inisiatif turut dijalankan untuk meningkatkan penyertaan dan mengoptimumkan kejayaan dalam bidang tumpuan. Antara inisiatif yang dijalankan ialah pengurusan program yang lebih mapan dengan **lantikan ketua projek yang berkeelayakan**. Beberapa **insentif turut diperkenalkan** untuk menarik minat warga UiTMPs untuk menyertai dan menjayakan projek-projek yang dirangka. Beberapa **lantikan dan penstrukturan semula** telah dibuat bagi melancarkan aktiviti dalam bidang tumpuan dan memudahkan proses pengurusan sumber manusia.

Bagi memastikan projek dan aktiviti yang dijalankan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, beberapa siri perjumpaan telah diadakan diantara rektor atau pihak pengurusan tertinggi UiTMPs dengan warga UiTMPs bagi memastikan semua warga UiTMPs cakna dengan sasaran yang ditetapkan dan bersama-sama menjayakan bidang tumpuan. Beberapa projek telah dilaksanakan untuk **mengenalpasti kepakaran** yang sedia ada di UiTMPs. Individu berkeelayakan dan berkepakaran ini telah dibimbing untuk menjayakan bidang tertentu dan juga digarapkan untuk menjadi **mentor atau pembimbing rakan sekerja** yang lain. UiTMPs juga **menyediakan beberapa platform** seperti menganjurkan konferensi dan pertandingan inovasi untuk memudahkan penglibatan warga UiTMPs dalam bidang tumpuan.

Pemantauan secara berkala telah dijalankan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTMPs dan juga pihak pengurusan PJIMA. Pemantauan oleh pihak pengurusan tertinggi adalah secara menyeluruh manakala pemantauan oleh pihak PJIMA lebih bersifat pengurusan mikro yang lebih spesifik. **Kaji semula** turut dilaksanakan untuk menganalisa risiko dan punca kegagalan dalam mencapai objektif.

Bagi memastikan kelestarian pencapaian dalam bidang tumpuan, pihak pengurusan tertinggi UiTMPs dan pihak PJIMA telah melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya ialah **pengenalan geran-geran dan penganjuran program-program secara berkala** untuk membudayakan penglibatan warga UiTMPs dalam bidang penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan. Insentif-insentif yang diperkenalkan, selain sebagai penarik minat, turut berperanan sebagai tanda penghargaan kepada warga UiTMPs. Selain itu, **majlis-majlis penghargaan khas** turut diadakan untuk meraikan kejayaan warga UiTMPs dalam bidang tumpuan. Warga yang terpilih turut diberi sokongan dan **pendedahan dalam proses kenaikan pangkat**.

Hasil pengurusan sumber manusia yang mantap yang dijalankan oleh pengurusan UiTMPs telah berjaya meningkatkan penglibatan warga UiTMPs dalam bidang tumpuan dan meningkatkan kualiti hasil kerja warga UiTMPs yang telah diterjemahkan dengan kejayaan UiTMPs dalam perolehan geran yang tinggi, penerbitan, dan pengkomersilan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Langkah pertama pihak pengurusan UiTMPs ialah mengenalpasti kunci utama kejayaan dalam bidang tumpuan iaitu **pemilikan geran penyelidikan** yang menjadi pemangkin kepada pelaksanaan penyelidikan, penghasilan penerbitan, penghasilan inovasi yang tinggi nilai komersil (Lampiran_5.1A). Hasil analisa menunjukkan **permohonan geran adalah rendah** pada tahun-tahun lalu (Lampiran_5.1B) berpunca daripada **budaya penyelidikan yang rendah** di kalangan warga UiTMPs disebabkan kekurangan pendedahan, pengalaman, pengetahuan, dan kepakaran di kalangan warga UiTMPs dalam menjalankan aktiviti bidang tumpuan. Justeru, inisiatif telah dijalankan untuk menanam budaya penyelidikan dan inovasi.

I) Inisiatif utama ialah **menjalankan pelbagai program latihan, pendedahan, dan sebagainya** untuk meningkatkan kepakaran warga UiTMPs dalam bidang tumpuan. Bidang pengkomersilan diberikan lebih perhatian kerana bidang ini lebih sukar untuk dijalankan di institusi pengajian tinggi (Lampiran_5.2A). Seorang ketua berkecayaan dilantik untuk mengetuai setiap projek dan tidak hanya diletakkan dibawah rektor, KPP atau ahli pengurusan tertinggi yang lain (Lampiran_5.2B). Perancangan dan pelaksanaan program-program ini bersifat inklusif yang melibatkan semua komponen sumber manusia di UiTMPs termasuk pelajar, dan lebih berfokus dan bersesuaian dengan tahap peserta (Lampiran_5.2C; 5.2D).

II) **Penstrukturan semula Bahagian PJIMA** telah dilaksanakan. **Unit Pengurusan Inovasi dan Kepakaran (UPIK)** telah ditubuhkan dan bertanggungjawab untuk menguruskan kepakaran pensyarah dalam inovasi, perundingan, harta intelek, dan penjana pendapatan. Koordinator dan penyelaras telah dilantik dan UPIK telah diperkenalkan kepada UiTMPs melalui satu webinar (Lampiran_5.3). Selain UPIK, **penyelaras-penyelaras baru** telah dilantik di semua unit untuk memperincikan dan memperkasakan pengurusan PJIMA. Contohnya, di bawah Unit Pengurusan Penyelidikan, penyelaras-penyelaras baru dilantik untuk urusan perolehan geran, pemantauan geran dan latihan (Lampiran_5.3B,C).

III) Melaksanakan pendekatan **3S untuk membimbing (handholding) individu yang terpilih atau berpotensi** (Lampiran_5.4A). Sebagai contoh, pensyarah-pensyarah terpilih digalakkan untuk menghasilkan satu permohonan geran mulai tahun 2021. Pensyarah tertentu juga dipilih untuk program penerbitan (Lampiran_5.4B,C).

IV) UiTMPs turut **menyediakan beberapa platform** untuk membantu warga UiTMPs dalam bidang tumpuan seperti geran DPPD untuk penyelidikan, persidangan dan pertandingan inovasi seperti SIC dan lain-lain untuk penerbitan and pengkomersilan (Lampiran_5.4D).

Pengurusan UiTMPs menghargai dan mengiktiraf pencapaian warga UiTMPs.

I) **Majlis penghargaan** telah dianjurkan sebagai acara tahunan untuk meraikan penerima geran seperti Majlis Apresiasi Geran 2021 dan Majlis Penyerahan Sijil DPPD 2020 (Lampiran_5.5A). Kemuncak penghargaan ialah **Majlis Anugerah Semarak Sanjung** anjuran PJIMA di mana penghargaan diberikan di atas pelbagai pencapaian dalam bidang tumpuan (Lampiran_5.5B). Setiap pencapaian dalam bidang tumpuan turut dihebohkan kepada kesemua warga UiTMPs melalui media sosial, emel, dan saluran WhatsApp (Lampiran_5.5A).

II) UiTMPs juga **memberikan insentif-insentif** dalam bentuk kewangan dan geran untuk menggalakkan penglibatan warga UiTMPs dan menghargai usaha atau kejayaan dalam bidang tumpuan. Contoh insentif ialah MyIncentive, MyIndexed Journal, MyImpact Journal, MyBook dan lain-lain. Selain insentif-insentif berbentuk kewangan, UiTM Cawangan Perlis turut menyediakan insentif berbentuk dana dan geran untuk tujuan pendaftaran hak cipta hasil penyelidikan (LetsRegisterYourIPR) dan dana latihan (MyMerit) bagi mereka yang memohon geran (Lampiran_5.5C).

III) Program **“grooming” untuk kenaikan pangkat** adalah satu lagi bukti penghargaan UiTMPs kepada warga-warga yang berkecayaan dan yang telah banyak membantu dan terlibat dalam bidang tumpuan (Lampiran_5.5D).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_S01_SB02_20231_Lampiran 5.1.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB02_20232_Lampiran 5.2.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB02_20233_Lampiran 5.3.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB02_20234_Lampiran 5.4.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB02_20235_Lampiran 5.5.pdf](#)
6. [K0033_S01_SB02_20231_Lampiran 5.1.pdf](#)
7. [K0033_S01_SB02_20232_Lampiran 5.2.pdf](#)
8. [K0033_S01_SB02_20233_Lampiran 5.3.pdf](#)
9. [K0033_S01_SB02_20234_Lampiran 5.4.pdf](#)
10. [K0033_S01_SB02_20235_Lampiran 5.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Langkah pertama dalam perluasan dan pelaksanaan program-program dalam bidang tumpuan ialah **menyebarkan luas perancangan dan sasaran UiTMPs** kepada semua warga melalui sesi Amanat Rektor, Sesi Perjumpaan Timbalan Rektor, mesyuarat dan lain-lain. Ini penting supaya semua warga UiTMPs senada dalam mencapai sasaran dalam bidang tumpuan. Untuk memudahkan dan meluaskan akses, acara-acara ini turut disebar di media sosial (contohnya saluran Youtube) (Lampiran_5.6).

Seperti yang dinyatakan, program-program yang dirancang dan dilaksanakan melibatkan kesemua warga UiTMPs bersesuaian dengan tahap masing-masing. Bagi mengoptimalkan kejayaan, **program-program yang dijalankan adalah bersasar** supaya lebih berimpak dan relevan. Sebagai contoh, memandangkan terdapat banyak bidang penyelidikan di UiTMPs, Klinik FRGS yang dijalankan pada setiap tahun telah dibahagikan kepada beberapa sesi seperti sesi Fakulti Sains Gunaan, Sains Teknologi dan Sains Sosial. Peserta program ini telah dipadankan dengan panel yang bersesuaian supaya dapat membantu penyelidik dengan lebih spesifik (Lampiran_5.7A). Dalam bidang penerbitan, banyak program bersasar telah dilaksanakan melibatkan pensyarah dan pelajar (Lampiran_5.2C), dan sesi handholding telah berjaya menghasilkan manuskrip daripada pensyarah yang terpilih (Lampiran_5.7B).

UiTMPs turut memanfaatkan kepakaran yang sedia ada dimana program-program melibatkan bidang tumpuan dianjurkan **menggunapakai tenaga pakar yang sedia-ada** (Lampiran_5.8A). Tenaga pakar sedia ada dilihat lebih berkesan kerana bersesuaian dengan persekitaran di UiTMPs. UiTMPs turut **memanfaatkan memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian (MoA) untuk mendapatkan tenaga pakar luar** dalam program-program yang dijalankan (Lampiran_5.8B). Bagi melancarkan pengurusan sumber manusia, beberapa siri **program pengumpulan data kepakaran** telah dijalankan untuk dikatalog dan diseragamkan didalam sistem TEMS (Lampiran_5.8C). Program ini memudahkan pengurusan dan pengkhususan sumber manusia untuk program dalam bidang tumpuan.

Pensyarah digalakkan untuk **menyertai Research Interest Group (RIG)**. Ini kerana kolaborasi dan perkongsian kepakaran adalah penting dalam bidang tumpuan. Terdapat 57 RIG termasuk dua RG di UiTMPs, menunjukkan penglibatan yang tinggi di kalangan pensyarah (>70%) di dalam program ini (Lampiran_5.9A,B). Untuk menjayakan program RIG, setiap permohonan geran dalaman memerlukan bukti keahlian RIG dan setiap aktiviti RIG akan diberi insentif MyRIG (Lampiran_5.9C;5.5C). Selain itu, **Buku Profile RIG** turut dilancarkan dan mengandungi maklumat kepakaran di UiTMPs dan telah disebar ke institusi luar bagi memudahkan usaha kolaborasi (Lampiran_5.9D).

Bagi memudahkan warga UiTMPs untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, UiTMPs menyediakan platform-platform yang bersesuaian.

I. **Penawaran geran dalaman UiTMPs secara berkala** seperti dana DPPD, Geran zakat dan sebagainya (Lampiran_5.10A). Geran-geran dalaman ini kurang kompetitif dan memberi peluang dan pengalaman kepada warga UiTMPs dalam memohon dan menguruskan geran.

II. **Penganjuran persidangan nasional dan antarabangsa** dapat menggalakkan kolaborasi di peringkat antarabangsa dan sebagai medium untuk menerbitkan hasil penyelidikan (Lampiran_5.10B). Program-program anjuran UiTMPs ini melibatkan penyertaan penyelidik UiTMPs, dalam negara dan luar negara seperti Indonesia, Brunei, Thailand.

III. **Penganjuran pertandingan inovasi**. UiTMPs telah menjadi pencetus dan penganjur utama untuk beberapa pertandingan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa seperti SIC, imit-SIC, i-IDEA. Usaha ini menggalakkan budaya inovasi dan telah mendapat liputan meluas. Hasil inovasi dari pertandingan ini turut mempunyai nilai komersil seperti produk

innuitera yang memenangi anugerah emas di IDEAZOZZ dan kini dikomersikan secara online dan di beberapa pasaraya (Lampiran_5.10C).

Rakaman program-program ini telah dimuatnaik ke laman saluran Youtube PJIMA Channel untuk meluaskan dan memudahkan akses (Lampiran_5.10D).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB03_20231_Lampiran 5.6.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB03_20232_Lampiran 5.7.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB03_20233_Lampiran 5.8.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB03_20234_Lampiran 5.9.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB03_20235_Lampiran 5.10.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Langkah pemantauan penting bagi memastikan semua objektif perancangan dan perluasan tercapai. Langkah-langkah pemantauan yang diambil termasuk:

1. Memandangkan perolehan geran adalah kunci utama kejayaan, pihak UiTMPs amat menitikberatkan pengurusan geran. Unit Pengurusan Penyelidikan telah **menubuhkan subunit Pemantauan Geran** bagi memastikan kesemua penyelidik peka tentang keperluan geran (Lampiran_5.3B). Sesi pemantauan dijalankan secara berkala. Sebagai contoh, pembentangan pemantauan DPPD Fasa 1 dan geran dalaman lain telah dijalankan (Lampiran_5.11A). Penyelidik yang tidak mencapai pencapaian tanda aras (milestones) yang sepatutnya telah diberi tunjuk ajar dan bimbingan.
2. Unit-unit lain PJIMA turut **aktif dalam pengumpulan, analisis, dan pembentangan data** bagi memantau dan melaporkan perkembangan semasa di mesyuarat PJIMA dan Jawatankuasa Penyelidikan Negeri seperti pengumpulan data myRA, data permohonan geran, penerbitan, dan lain-lain (Lampiran_5.11B).

Pihak pengurusan UiTMPs sentiasa cakna tentang kebajikan dan kepuasan hati sumber manusia. Secara keseluruhannya, **indeks kegembiraan di UiTMPs adalah tinggi dan setara** dengan kampus UiTM lain. Terdapat peningkatan indeks kegembiraan terutamanya dari aspek Pencapaian (Lampiran_5.12A). Pihak UiTMPs sering menganjurkan sesi dialog, sesi perjumpaan, dan mesyuarat kakitangan akademik yang dimanfaatkan oleh pihak pengurusan UiTMPs untuk mendapatkan input secara langsung dari penyelidik dan staf UiTMPs (Lampiran_5.6). Selain itu, **penglibatan yang tinggi dalam RIG (lebih 70%), penghantaran proposal penyelidikan yang banyak** (93 permohonan bagi 2021 dan 104 permohonan bagi 2022), dan **penyertaan aktif dalam program-program** melibatkan bidang tumpuan anjuran PJIMA membuktikan bahawa warga UiTMPs berpuas hati, bersetuju, dan menyokong usaha memantapkan pencapaian UiTMPs dalam bidang tumpuan (Lampiran_5.9B; 5.12B).

Selain menjalankan program-program spesifik kepada bidang tumpuan seperti yang dinyatakan, pihak pengurusan UiTMPs, atau PJIMA UiTMPs, turut menjalankan **aktiviti sampingan atau aktiviti santai** yang membantu dan merehatkan warga UiTMPs dari aspek mental, rohani, dan jasmani seperti siri podcast “Secangkir Kopi”, program senaman, majlis kerohanian dan lain-lain (Lampiran_5.12C).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_S01_SB04_SC01_20231_Lampiran 5.3.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC01_20232_Lampiran 5.11.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC01_20233_Lampiran 5.12.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC01_20234_Lampiran 5.6.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC01_20235_Lampiran 5.9.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko yang telah dikenalpasti ialah:

1. Kurang sambutan terhadap permohonan geran

Risiko ini adalah disebabkan **kekurangan pengalaman dan pengetahuan dalam permohonan geran**. Untuk mengatasi masalah ini,

i. Bagi meningkatkan kompetensi dalam permohonan geran, setiap staf yang tiada geran aktif **diwajibkan untuk menghantar satu permohonan** (samaada geran dalaman atau nasional).

- Permohonan-permohonan yang tidak berjaya dimasukkan ke dalam bank proposal supaya dapat dikemaskinikan dan ditambahbaik berdasarkan input dari -pakar telah dilantik seperti Prof. Sr. Dr. Zulkiflee Abdul Latif lebih berjaya pada masa akan datang (Lampiran_5.7A).
- Pemohon yang **gagal diberi insentif MyMerit** bagi memotivasikan mereka supaya lebih berusaha manakala pemohon yang **berjaya diberikan insentif MyIncentive** (Lampiran_5.5A).

ii. setiap staf akademik dimestikan untuk **menyertai sekurang-kurangnya satu RIG** supaya

- Staf mendapat panduan daripada staf yang berpengalaman.
- Memastikan warga UiTMPs sentiasa berada dalam “suasana penyelidikan”. Program RIG ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan (Lampiran_5.9B).

2. Kurang pengalaman dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan.

Pihak UiTMPs turut menyedari **peluang yang rendah untuk warga UiTMPs bersaing** dalam bidang tumpuan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa disebabkan kekurangan ilmu dan pengalaman. Justeru, selain **menjalankan program latihan** (Lampiran_5.2), pihak UiTMPs mengambil langkah untuk **menyediakan platform-platform** yang memudahkan warga UiTMPs menjalankan aktiviti dalam bidang tumpuan. Dalam bidang penyelidikan, UiTMPs telah memperkenalkan geran DPPD dan geran dalaman yang lain untuk memberi peluang kepada warga UiTMPs untuk mendapat geran, menjalankan webinar dan sesi latihan penulisan, dan menganjurkan pertandingan inovasi seperti SIC dan SIC-COVID (Lampiran_5.10).

Untuk menggalakkan penyertaan dalam bidang tumpuan, setiap **kejayaan sentiasa diwar-warkan** melalui emel dan di media sosial (Lampiran_5.13A)

3. Kegagalan memenuhi hasil geran

Risiko ini adalah antara risiko utama untuk kejayaan dalam bidang tumpuan. Untuk mengatasi masalah ini, **unit pemantauan geran** telah ditubuhkan di mana unit ini akan memantau perkembangan penyelidikan melibatkan semua geran aktif dan memberi input dan peringatan berterusan (Lampiran_5.3B; 5.11A)

4. Kenaikan pangkat

Memandangkan bidang tumpuan memberi banyak markah kepada kenaikan gaji tahunan dan pangkat, ketidakpatuhan PI akan merencatkan proses kenaikan pangkat. pihak pengurusan UiTMPs telah menjalankan **program webinar myATP** untuk meningkatkan kesedaran warga akademik UiTMPs mengenai perkara ini dan juga menjalankan **program “grooming”** melibatkan warga yang berpotensi untuk berjaya dalam urusan kenaikan pangkat (Lampiran_5.13B).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB04_SC02_20231_Lampiran 5.7.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC02_20232_Lampiran 5.9.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC02_20233_Lampiran 5.10.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC02_20234_Lampiran 5.11.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC02_20235_Lampiran 5.13.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan UiTMPs sentiasa mengambil kira maklumbalas yang diberikan penyelidik yang mana perkara-perkara ini dibawa ke mesyuarat-mesyuarat untuk diselesaikan. Sebagai contoh, pelbagai **permasalahan dan cadangan dibentangkan** dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) untuk mencari penyelesaian dan membantu penyelidik dalam manjayakan bidang tumpuan (Lampiran_5.14).

Usaha penambahbaikan turut diambil untuk **meningkatkan keberkesanan bengkel dan latihan** yang dianjurkan. Sebagai contoh, bengkel proposal FRGS 2020 dibahagikan kepada 3 kluster. Bengkel ini telah ditambahbaik dengan pembahagian kepada 5 kluster untuk FRGS 2022 supaya lebih berfokus dan melantik panel yang relevan dan bersesuaian dengan bidang penyelidikan (Lampiran_5.7). Walaupun banyak program dijalankan untuk penerbitan artikel, masih terdapat pensyarah yang tidak berjaya menerbitkan sebarang artikel kerana terdapat program webinar yang bersifat “one-off” dilihat kurang berkesan (Lampiran_5.2C). Program “handholding” telah dianjurkan sebagai langkah penambahbaikan dimana perkembangan proses penerbitan dipantau sehingga selesai (Lampiran_5.7B)

Pemberian insentif adalah salah satu pendekatan yang diambil untuk meningkatkan penyertaan dalam bidang tumpuan. Hasil maklum balas, pihak pengurusan UiTMPs **menambah bilangan insentif yang diberi** (peningkatan dari 4 kepada 11 insentif pada 2022) supaya merangkumi lebih banyak aktiviti warga UiTMPs. Antaranya ialah UiTMPs turut memberi insentif kepada permohonan yang tidak berjaya kerana pihak pengurusan UiTMPs sedar bahawa penyelidik meluangkan banyak masa dalam penulisan geran. Insentif MyMerit berbentuk geran latihan telah diberi kepada penyelidik yang menghantar permohonan geran untuk memberi peluang kepada penyelidik untuk menyertai program atau bengkel berbayar untuk memantapkan penulisan permohonan geran. Selain itu, sebarang aktiviti yang dijalankan melalui RIG akan diberi markah dan diberi insentif myRIG untuk menggalakkan penglibatan ahli RIG (Lampiran_5.15).

Pengurusan geran melibatkan banyak dokumentasi yang agak mengelirukan. Justera, **sistem igrant2u** telah dibangunkan oleh PJIMA untuk memudahkan proses perolehan dan memberi akses kepada semua borang-borang dan dokumen-dokumen yang berkaitan pengurusan geran (Lampiran_5.16).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB04_SC03_20231_Lampiran 5.14.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC03_20232_Lampiran 5.7.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC03_20233_Lampiran 5.15.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC03_20234_Lampiran 5.16.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Seperti yang dimaklumkan, kegagalan UiTMPs dalam bidang tumpuan pada masa lepas adalah disebabkan kekurangan permohonan geran penyelidikan kerana kurangnya pendedahan, pengalaman, dan pengetahuan dalam bidang tumpuan.

Usaha pihak pengurusan telah membuahkan hasil dimana **budaya penyelidikan telah berjaya disemai berdasarkan peningkatan penglibatan** dalam bidang tumpuan terutamanya dari segi **permohonan geran yang melonjak dua kali ganda secara konsisten** semenjak 2019 dan kekal tinggi pada tahun 2021 dan 2022. Usaha ini turut meningkatkan jumlah perolehan geran (Lampiran_5.1B; 5.1C). Warga UiTMPs bukan sahaja fokus kepada geran dalaman UiTMPs seperti DPPD, malah turut aktif dalam permohonan geran-geran nasional dan antarabangsa (Lampiran_5.1B; Lampiran_5.17).

Inovasi utama iaitu penawaran geran dalaman UiTMPs seperti **Dana Pembudayaan Penyelidikan Dalaman (DPPD)** yang ditawarkan secara berkala dilihat berjaya mencapai objektif iaitu memberi peluang kepada warga UiTMPs untuk menimba ilmu dan pengalaman dalam permohonan dan pengurusan geran penyelidikan. Hasil sampingan program ini ialah penubuhan **“bank proposal”** yang terdiri daripada geran-geran yang gagal pada tempoh lalu. Setiap permohonan ini disemak dan diberi komen yang konstruktif supaya kualiti permohonan dapat ditingkatkan (Lampiran_5.7A). Pengenal geran DPPD berjaya **menambahbaik resume staf akademik** yang membantu dalam permohonan geran lain di peringkat nasional dan antarabangsa (Lampiran_5.1B)

Penglibatan dalam bidang penerbitan dan pengkomersilan juga meningkat dan hasil pendekatan 3S, pensyarah yang gagal menerbitkan sebarang artikel telah dipilih menyertai bengkel handholding dan berjaya menghantar artikel untuk penerbitan (Lampiran_5.7B). Walaupun terdapat banyak penglibatan dalam inovasi, kejayaan dalam bidang pengkomersilan agak terbatas. Namun, UiTMPs tetap berbangga dengan **penubuhan syarikat “start-up”** yang pertama iaitu Athanz Innovations Sdn. Bhd. yang mengkomersilkan produk Lindifera hasil pertandingan inovasi (Lampiran_5.18).

Kecemerlangan operasi turut menjadi usaha berterusan yang dijalankan di UiTMPs. Isu dan permasalahan dibangkitkan dan dibincangkan dalam setiap JPN. Usaha pemantapan pengurusan turut **melahirkan warga yang inovatif** dalam usaha melicinkan pengurusan dengan terhasilnya sistem TEMS dan igrant2u yang memudahkan pengurusan kepakaran sumber manusia dan memudahkan proses perolehan berkaitan penyelidikan (Lampiran_5.19A)

Usaha memantapkan bidang tumpuan turut **menghidupkan budaya penghargaan** di UiTMPs. Penghargaan dan pengiktirafan yang diterjemahkan dengan penganjuran majlis-majlis apresiasi, pemberian insentif kewangan atau geran, dan bantuan untuk kenaikan pangkat (Lampiran_5.19B). Walaupun secara dasarnya semua warga Ikhlas bekerja, amalan ini berjaya membuatkan warga UiTMPs lebih kompetitif, bermotivasi tinggi, dan kuat berusaha.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB05_20231_Lampiran 5.1.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB05_20232_Lampiran 5.17.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB05_20233_Lampiran 5.7.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB05_20234_Lampiran 5.18.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB05_20235_Lampiran 5.19.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi meneruskan kesinambungan kriteria kepimpinan, perancangan strategik tumpuan pelanggan, pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan juga sumber manusia, UiTMPs turut memberi tumpuan kepada bahagian operasi bagi **meintegrasikan proses pengurusan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan**. Secara asasnya, proses operasi sesuatu program yang dilaksanakan oleh UiTMPs telah memfokuskan kepada skop “Penyelidikan, dan Penerbitan” iaitu bidang tumpuan yang telah dipilih untuk AKNC 2023. Proses kerja berkualiti yang dilaksanakan telah memberi manfaat kepada warga kampus sebagai **lambang kejayaan** dalam penyelidikan dan penerbitan dan pengkormersilan. UiTMPs sentiasa memastikan operasi dirancang dengan baik agar **pelaksanaan secara berkala dan berterusan** dibuat bagi memastikan keberkesanan fokus operasi penyelidikan dan penerbitan dan pengkormersilan meningkatkan kualiti, mutu kerja dan pencapaian warga kampus.

UiTMPs terus **mendukung perancangan strategik UiTM** ke arah “*Globally Renowned University 2025*” melalui pelbagai inisiatif penyelidikan dan penerbitan. Antaranya dengan mencorak peranan melalui kerjasama baharu dengan institusi di dalam dan luar negara bagi melaksanakan pelbagai bentuk kegiatan seperti pertukaran kepakaran akademik, kolaborasi seminar, kolaborasi penyelidikan dan kolaborasi penerbitan.

Selaras dengan **Misi UiTM** iaitu semua staf akademik wajib menjalankan penyelidikan dan aktiviti kesarjanaan di samping menerbitkan hasil penyelidikan mereka atau mempatenkannya. Ini memberi petunjuk pentingnya **pembangunan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi** di kalangan staf akademik untuk mencapai prestasi setanding atau mengatasi universiti-universiti terunggul secara global. Ia juga dapat menyumbang penyelesaian kepada permasalahan kemanusiaan dan persekitaran di dalam dan di luar negara.

Secara ringkasnya kriteria operasi dibahagikan kepada beberapa bahagian utama termasuk pendekatan (approach), perluasan (deployment), pembelajaran dan juga integrasi (integration) dan beberapa sub-bahagian iaitu Pemantauan (Check), Kenal Pasti Risiko (Act), Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan (Act).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

6.2.1 Penyelidikan

UiTMPs telah melaksanakan pelbagai dasar, program dan insentif untuk meningkatkan pencapaian penyelidikan bagi memenuhi objektif kualiti UiTMPs iaitu perlu mencapai sekurang-kurangnya 20% penglibatan pensyarah dalam permohonan dan penerimaan geran penyelidikan. Pelaksanaan bagi peningkatan pencapaian ini dijalankan melalui proses penambahbaikan prestasi.

Melalui proses ini, semua maklumat berkaitan penyelidikan di berikan kepada unit pengurusan penyelidikan UiTMPs. Data akan dikumpulkan dengan menggunakan sistem IRES bagi memudahkan unit pengurusan untuk memantau, menganalisa dan menilai prestasi dan juga merangka pelan penambahbaikan. Dalam meningkatkan pencapaian penyelidikan bagi staf akademik UiTMPs, beberapa inisiatif strategik telah di laksanakan. Antara inisiatif yang telah di tetapkan adalah dengan mewujudkan insentif dan juga geran dalaman bagi meningkatkan jumlah permohonan dan penerimaan geran penyelidikan. Disamping itu juga, kerjasama daripada pengurusan di peringkat atasan telah di ambil dengan mewajibkan kesemua staf akademik lepasan PhD UiTMPs untuk memohon geran penyelidikan sebagai ketua projek FRGS. Pemberian insentif MyMerit, MyIncentive dan pembukaan dana pembudayaan penyelidikan dalaman (DPPD) 2022 di berikan kepada staf akademik yang memohon geran bagi menggalakkan staf akademik UiTMPs melibatkan diri dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Antara strategi lain adalah menggalakkan kolaborasi penyelidikan dengan universiti dan industri dalam dan luar negara.

Sehubungan dengan itu, beberapa pendekatan bagi penambahbaikan dalam meningkatkan pencapaian penyelidikan telah dijalankan antaranya ialah menganjurkan bengkel penulisan geran terutama para pensyarah yang baru berkhidmat dan juga sentiasa menjadikan prestasi pada tahun lepas sebagai penanda aras bagi pelaksanaan unjuran pencapaian pada masa hadapan. **Rajah 6.2.1 (Lampiran UiTMPs_Lampiran Operasi 6.2.1)** menunjukkan carta alir proses penambahbaikan prestasi penyelidikan.

6.2.2 Penerbitan

Bagi mencapai objektif kualiti UiTMPs iaitu memastikan sekurang-kurangnya **25% pensyarah** terlibat dalam penerbitan berindeks dan menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan ilmiah/kreatif setiap tahun, tujuh kategori penerbitan telah ditetapkan iaitu penerbitan jurnal, seminar, buku penyelidikan, buku, bab buku/penyelidikan, umum dan kerja kreatif. **Rajah 6.2.2 (Lampiran UiTMPs_Lampiran Operasi 6.2.1)** aliran proses penambahbaikan prestasi penerbitan. Melalui proses ini, semua maklumat berkaitan penerbitan disimpan dan dikemaskini di dalam Publication Repository Information System Management (PRISMA). Laporan penerbitan kemudiannya dihantar ke Bahagian Transformasi Universiti (BTU) pada setiap bulan untuk dinilai.

Justeru, inisiatif dan strategi telah dilaksanakan bagi mencapai prestasi penerbitan dan meningkatkan bilangan penerbitan berindeks dan sitasi (**Rujuk Jadual 6.2.1 di Lampiran UiTMPs_Lampiran Operasi 6.2.2**). Beberapa strategi telah dilaksanakan iaitu memberi insentif My Impact Journal untuk High impact publication; Q1 sebanyak RM500 dan Q2 sebanyak RM300, insentif My Book iaitu sumbangan RM300 untuk penerbitan buku dan My Indexed Journal iaitu RM100 bagi penerbitan jurnal berindeks (Scopus/WOS/ERA). UiTMPs telah mengadakan bengkel penerbitan artikel berimpak dan bengkel penulisan, meningkatkan Tabung Latihan untuk staf akademik menyertai konferen (SCOPUS/WoS) dan mengperkasakan pelaksanaan undergraduate exhibition. Dengan adanya inisiatif dan strategi ini dapat meningkatkan skor MyRA dan seterusnya dapat meningkatkan kepakaran staf akademik

seperti pemahaman sebagai penyaring jaring, pemerasan, panel panel dan perantara.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_O01_OB02_20231_UiTMPs_Lampiran Operasi 6.2.1.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB02_20232_UiTMPs_Lampiran Operasi 6.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bahagian perluasan ini merujuk kepada bagaimana model PDCA yang digunakan oleh UiTMPs di dalam proses –proses utama. Model PDCA (Plan, Do, Check, Action) merupakan satu inovasi terhadap proses kerja yang digunakan sebagai salah satu penambahbaikan pencapaian berterusan dan keberkesanan operasi penyelidikan dan penerbitan yang dirancang dan dilaksanakan. **Plan** merujuk kepada perincian petunjuk prestasi kepada unit yang bertanggungjawab, manakala **Do** ialah merekod dan mengukur pencapaian melalui system seperti iRES, PRISMA, MyRA dan MYATP. **Check** merupakan proses analisa prestasi dan risiko dari laporan yang dijana melalui sistem dan merancang penambahbaikan. **Act** ialah merujuk kepada melaksanakan aktiviti penambahbaikan bagi tujuan peningkatan proses, perkhidmatan dan prestasi yang merujuk kepada skop penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

6.3.1 Aspek Penyelidikan

Bagi aspek Penyelidikan, ianya merujuk kepada memperincikan aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga penambahbaikan bagi meningkatkan kerja mutu penyelidikan UiTMPs. Antara perkongsian kepakaran oleh para pensyarah ialah melalui penganjuran webinar dan bengkel yang berkaitan dengan permohonan dan pengurusan geran penyelidikan (**Rujuk Lampiran UiTMPs_Lampiran Operasi 6.3.2**). Selain itu, bagi **menyemarakkan komitmen** staf akademik dalam penyelidikan, UiTMPs dengan julung kalinya telah menginisiatifkan **program Semarak Penyelidikan 2022 UiTMPs** bertujuan untuk memaksimumkan bakat penyelidikan staf akademik UiTMPs (**Rujuk Lampiran UiTMPs_Lampiran Operasi 6.3.3**).

6.3.2 Aspek Penerbitan

Selain itu, bagi aspek penerbitan ianya tertumpu kepada output yang dihasilkan melalui penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarah dipastikan melalui proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga penambahbaikan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan bilangan jumlah penerbitan oleh para pensyarah di UiTMPs terutama yang berimpak tinggi. Jaringan dan hubungan dengan penglibatan dalam program penyelidikan dan penerbitan adalah sesuatu yang amat signifikan bagi menaikkan taraf universiti di mata dunia melalui tandatangan LOI, MoU, MoA bersama institusi, industri dan komuniti. Kolaborasi UiTMPs direalisasikan bersama institusi dan industri diperingkat tempatan dan antarabangsa (**Rujuk Lampiran UiTMPs_Lampiran Operasi 6.3.1**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB03_20231_UiTMPs_Lampiran Operasi 6.3.1.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB03_20232_UiTMPs_Lampiran Operasi 6.3.2.pdf](#)
3. [K0033_O01_OB03_20233_UiTMPs_Lampiran Operasi 6.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bahagian pembelajaran ini merujuk kepada pelaksanaan aktiviti Penyelidikan dan Penerbitan tidak ketinggalan juga Pengkomersilan yang menjurus kepada kelestarian pencapaian.

Aktiviti- aktiviti Penyelidikan dan Penerbitan ini turut diberi tumpuan oleh UiTMPs bagi memastikan setiap perancangan yang dibuat mampu diterjemahkan kepada hasil pencapaian prestasi yang maksima. Ini dilaksanakan dengan;

1. Memantau output berteraskan penyelidikan dengan memastikan para pensyarah memenuhi kritiria minimum dari aspek penerbitan, pengkormersilan permohonan geran dan sebagainya.
2. Menjalankan kutipan data berkenaan output berteraskan penyelidikan melibatkan seluruh fakulti yang terdapat di UiTMPs.
3. Menyediakan data terkini berkenaan penyelidikan secara berkala bagi melihat sejauh mana pencapaian prestasi yang terkini mengikut Key Perfomance Indicator (KPI) yang dipertanggungjawabkan kepada setiap fakulti.
4. Melantik wakil fakulti yang terdiri dari kalangan para pensyarah untuk menjalankan kutipan dan sentiasa berkomunikasi kepada Ketua Pusat Pengajian berkenaan prestasi terkini.
5. Sentiasa memastikan para pensyarah peka dengan sebarang perubahan dari aspek pencapaian prestasi yang harus dicapai dari masa ke semasa.

SENARAI BUKTI:

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bahagian ini merujuk kepada pengurusan risiko yang dilaksanakan UiTMPs dalam pengurusan operasi. Ini penting bagi mengenalpasti menilai, dan mengatur kepentingan risiko (hasil positif atau positif) yang akan dibincangkn dalam kriteria 7 seterusnya. Dengan usaha UiTMPs mengenalpasti risiko yang akan berlaku, ianya mampu mengurangkan, memantau dan mengawal kemungkinan atau kesan peristiwa yang tidak diingini pada masa hadapan.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh UiTMPs termasuk;

1. Menentukan konteks risiko yang berkait dengan pencapaian dari aspek penyelidikan dengan melihat risiko yang bakal terjadi secara komprehensif.
2. Menyemak status semasa berkaitan pencapaian yang telah dicapai dan baki pencapaian yang masih belum tercapai.
3. Mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang timbul sepanjang proses pelaksanaan dijalankan
4. Melaksanakan mesyuarat dalaman bagi mengenalpasti risiko yang wujud secara berkala.
5. Memastikan setiap risiko yang dikenalaspasti mempunyai action plan dan task force bagi memastikan aspek pengurusan risiko dilaksanakan secara menyeluruh, efektif dan efisien.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bahagian ini memberi tumpuan kepada hasil penganalisisan tumpuan operasi kepada aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan untuk tindakan penambahbaikan. Aspek mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan di buat dari aspek penerbitan, penyelidikan, penglibatan dalam program inovasi dan jaringan. Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan initiative penerbitan seperti penulisan dan penghasilan jurnal, kertas prosiding, buku penyelidikan dan sebagainya.

Selain itu, UiTMPs menyediakan insentif-insentif sebagai satu usaha untuk menggalakan para pensyarah menghasilkan penerbitan buku dengan memberikan insentif untuk setiap buku yang di terbitkan. Untuk penerbitan artikel dalam jurnal, MyImpact_Journal diperkenalkan sebagai satu insentif untuk pensyarah yang berjaya menerbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2. Selain penerbitan dalam journal Q1 dan Q2, UiTMPs juga menggalakkan lagi para pensyarah untuk menulis dan menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks seperti Scopus, ERA dan WOS yang melalui program My Indexed_Journal. Usaha ini dilakukan untuk memberi motivasi dan galakan kepada para pensyarah dalam menghasilkan artikel yang berkualiti tinggi.

Para pensyarah digalakan untuk terlibat dalam permohonan geran penyelidikan (geran dalaman, geran nasional, geran antarabangsa, geran industri). UiTMPs meluluskan tiga insentif penyelidikan bagi merencanakan lagi permohonan geran-geran penyelidikan melalui pemberian insentif kepada para pensyarah yang berjaya mendapatkan dana penyelidikan melalui program MyIncentive, MyMerit dan DPPD 2022.

Usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh UiTMPs ini merupakan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian kumpulan RIG bertaraf 5 bintang melalui program MyRIG. Pertandingan inovasi ini juga adalah platform untuk menggalakan para pensyarah untuk mendaftar IPR (Copyright, Trademark dan Patent). Antara insentif yang diberikan seperti program MyIP untuk menambah jumlah pendaftaran copyright melalui UiTMPs.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB04_OC03_20231_UiTMPs_Lampiran Operasi 6.4.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bahagian terakhir dalam kriteria operasi ini memberi tumpuan kepada pendekatan penambahbaikan berterusan dan inovasi dilaksanakan oleh UiTMPs. Proses integrasi ini melibatkan proses memastikan operasi setiap perancangan yang dibuat menjurus kepada pencapaian yang maksima. Ini penting bagi meningkatkan produktiviti warga UiTMPs melalui penyelidikan dan kolaborasi semasa dan masa hadapan.

Antara objektif bagi pelaksanaan ini adalah untuk menggalakan dan membudayakan penyelidikan kepada UiTMPs, menjalankan program, bengkel dan seminar berkaitan penyelidikan, perundingan, inovasi, penerbitan, keusahawanan dan membantu pihak-pihak berkepentingan di dalam UiTMPs dalam menjalinkan hubungan dengan pihak industri dan masyarakat.

Bagi memastikan ianya mampu dicapai, **UiTMPs telah mewujudkan platform** bagi mengintegrasikan data setiap pencapaian di bawah Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan bukan hanya sebagai tujuan rekod tetapi turut menjurus kepada aspek Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Pemantauan (Check) dan Penambahbaikan (Action).

Di bawah aspek **perancangan**, setiap perkara atau aktiviti yang telah dikenalpasti akan dimaklumkan kepada setiap fakulti melalui Ketua Pusat Pengajian (KPP) atau Ketua Koordinator (KK). Ini bagi memastikan komunikasi yang jelas bagi menyampaikan maklumat berkaitan pencapaian. Seterusnya di bawah aspek **pelaksanaan**, setiap perkara atau aktiviti tersebut akan disampaikan kepada setiap staf akademik bagi tujuan pelaksanaan mengikut KPI yang telah ditetapkan.

Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan bagi memastikan setiap perancangan mampu dicapai untuk tahun berkenaan. Setiap fakulti mempunyai wakil yang terdiri daripada beberapa orang pensyarah yang ditugaskan bagi mengemaskini data terkini berkaitan pencapaian. Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan.

Hasilnya, laporan akan dibentangkan oleh KPP atau KK fakulti berkaitan pencapaian semasa setiap fakulti yang terlibat bagi tujuan pemantauan. Langkah terakhir ini penting bagi tujuan **penambakan yang wajar** dilaksanakan terutama segala yang melibatkan risiko di bawah aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan. Secara tidak langsung, output daripada penambakan yang perlu dibuat ini akan dibawa semua kepada proses perancangan aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan pada tahun seterusnya terutama dari aspek pencapaian prestasi tahunan. Ini akan disusuli dengan aspek penambakan perlu dibuat berdasarkan pencapaian semasa dan pencapaian dan pelaksanaan yang wajar dipertimbangkan di masa hadapan bagi meningkatkan lagi kualiti dan pencapaian Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan UiTMPs.

Inovasi seperti menyediakan satu mekanisme pelarasan kesemua aspek penting yang mendokong komponen Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Pemantauan (Check) dan Penambahbaikan (Action) harus sentiasa diperbaharui bagi menyokong kesemua kriteria awal merangkumi kepimpinan, perancangan strategik tumpuan pelanggan, pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan juga sumber manusia dan akhir iaitu kriteria hasil UiTMPs.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil daripada kecekapan dan keberkesanan operasi UiTM Cawangan Perlis

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Tertinggi dan pengurusan Kanan UiTMPs memastikan usaha yang manpan di dalam pengoperasian kampus sentiasa dititikberatkan dalam **kecemerlangan yang tinggi dalam bidang penyelidikan, penerbitan** dan pengkomersialan melalui inisiatif dan insentif yang berkesan. **Sistem pengoperasian yang bermutu dan cekap** telah dirangka secara menyeluruh mengikut keperluan kampus untuk memastikan kelancaran didalam penghasilan penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi. Kelancaran dan kesepaduan sistem pengoperasian kampus sekaligus meningkatkan prestasi dan mutu penyelidikan serta penerbitan di UiTMPs dan keseluruhan sistem UiTM di negara ini. Ia mengambilkira kepentingan warga kampus sebagai tunjang utama kepada kejayaan yang membanggakan oleh UiTMPs di mata seluruh warga UiTM. Keperluan kesemua warga kampus terutama penyelidik serta pentadbiran diperhalusi dan diperkembangkan agar mendukung pencapaian **Perancangan Strategi UiTM2025 di bawah** Tema Strategik 4 Pembangunan Penyelidikan Translational Inovasi dan Pengkomersilan.

Hasil daripada kecekapan dan keberkesanan operasi ini menonjolkan kejayaan Kampus UiTMPs dengan **dua tema** utama iaitu

- 1) Kecemerlangan dalam Perolehan Geran di keseluruhan UiTM Kampus di Malaysia**
- 2) Kemantapan Mutu Penerbitan UiTMPs di keseluruhan UiTM Kampus di Malaysia**

Tema-tema ini dipilih untuk mengetengahkan pencapaian utama UiTMPs yang berprestasi tinggi hasil daripada kecekapan dan keberkesanan operasi yang komprehensif dan bersistematik. Data daripada tahun 2018 ke 2022 menunjukkan kenaikan jumlah permohonan dan penerimaan geran penyelidikan dan kenaikan jumlah penerbitan berindeks. Peningkatan ini adalah kerana pihak pengurusan yang berjaya menggembeleng sumber manusia di UiTMPs untuk melaksanakan pelan strategik UiTMPs secara bersasar yang telah dirancang selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025. UiTMPs telah menganjurkan pelbagai webinar dan bengkel untuk menggalakkan, mindidik dan mewujudkan persekitaran penyelidikan di kalangan warga UiTMPs. Selain daripada itu, UiTMPs telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang unik sebagai ganjaran kepada penyelidik untuk memohon geran, menghasilkan penerbitan dan mengkomersilkan hasil penyelidikan. Hasil daripada operasi ini telah menjadikan UiTMPs sebagai **peneraju jumlah penerimaan geran penyelidikan antarabangsa pada tahun 2022**. Hasil penyelidikan telah menyumbang sebanyak RM286,681.00 (2018), RM1,030,651.00 (2019), RM545,650.00 (2020), RM2,494,688.00 (2021) dan RM2,736,827.00 (2021) kepada KPI UiTMPs. Jumlah penerimaan geran penyelidikan ini melebihi sasaran KPI yang ditetapkan oleh model hala tuju strategik UiTM Cawangan Perlis 2022. Jika dibandingkan dengan kampus setara di utara Malaysia, **UiTM Cawangan Perlis berada di dalam kelas tersendiri**. Merujuk kepada lonjakan kuantiti penerbitan, UiTMPs telah berada pada suatu tahap yang berprestij dimana jumlah penerbitan meningkat saban tahun daripada 124 (2018), 101 (2019), 112 (2020) dan 199 (2021) dan 526 (2022). Sehubungan dengan ini, UiTMPs telah mendapat anugerah **TOP 1 Kampus untuk Penerbitan pada tahun 2022 Inisiatif yang berjaya dilaksanakan melalui bengkel, webinar, insentif seperti Hi_Publication, MyInsentif dan MyMerit berjaya meningkatkan jumlah penerbitan** dan sitasi UiTMPs berbanding kampus-kampus lain seperti dinyatakan di PI TNC HEA.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0033_HB02_20231_Perlis_7.1.2_level \(2022\).pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0033_HB03_20232_Perlis_7.1.3_trend 2022.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0033_HB04_20233_Perlis_7.1.4_Comparison 2022.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0033_HB05_20234_Perlis_7.1.5_importance 2022.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL PERANCANGAN STRATEGIK : Perancangan Strategik kearah Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan UiTM Cawangan Perlis

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan **Perancangan Strategik (PS)** UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) 2020-2021 telah dibangunkan bagi menghasilkan pencapaian yang holistic, dinamik dan berdaya saing di peringkat negara dan globalisasi selari dengan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah university terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Selaras dengan ini, **UiTMPs** memastikan perancang strategik yang digariskan dapat **memberi impak yang tinggi kepada UiTM secara menyeluruh. Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022** adalah dirancang berpandukan sumber rujukan utama iaitu Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). **Model Hala Tuju Strategik 2022 telah dibangunkan** di bawah pelan tindakan ini. Terdapat **enam (6) agenda utama di dalam model** ini iaitu **(i) Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan**, (ii) Pendidikan Berkualiti, (iii) Graduan yang Seimbang, (iv) Industri, Komuniti, Alumni dan Perkongsian Pintar, (v) Penjanaaan Pendapatan dan (vi) Kecekapan Tadbir Urus. UiTMPs menjalankan **pemantauan dan penilaian secara bersistematik** dan berterusan untuk menjamin kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2022 UiTMPs. Setiap agenda pula mempunyai projek-projek tertentu yang telah ditetapkan. **Bidang penerbitan dan penyelidikan berada di bawah agenda Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan** manakala bidang pengkomersialan berada di bawah agenda Graduan yang Seimbang, Industri, Komuniti, Alumni dan Perkongsian Pintar dan Penjanaaan Pendapatan Segala perancangan yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 telah disampaikan kepada warga kampus melalui pelbagai wadah, di antaranya **Amanat Tahunan Rektor** dan juga **Majlis Penyempian Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator)** atau KPI dan Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator*) atau PI peringkat kampus. Pembangunan pelan tindakan strategik yang mantap sangat penting dalam **merealisasikan hasrat UiTM Perlis menjadi sebuah kampus yang unggul dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan**. Inisiatif strategik UiTMPs yang sistematik dan efisien dipacu oleh **Model Hala Tuju Strategik 2022** dengan mewujudkan kluster kecemerlangan yang **telah diperisikan dalam Kriteria 2**. Di dalam bahagian hasil ini, dua (2) tema kejayaan UiTMPs ditonjolkan berasaskan PS UiTMPs yang mampan bagi memacukan ketampakan dan kecemerlangan kampusnya di seluruh sistem UiTM di dalam negara. Tema ini terdiri daripada:

- 1) Penyemarakkan Penyelidikan UiTMPs 2022 bagi menjadi kampus Top 1 dalam negara**
- 2) Pemacuan pemantapan penerbitan UiTMPs bagi menjadi kampus Terbaik dalam negara**

Hasil daripada Tema ini telah membuktikan UiTMPs komited dalam mendukung agenda UiTM2025 dengan melonjak UiTMPs kampus 6 Star dan memberi impak kepada kecemerlangan UiTM di mata negara dan globalisasi. UiTMPs telah mencapai satu tahap yang membanggakan dengan memperoleh 2 anugerah daripada UiTM Induk iaitu **TOP 1 Kampus untuk Penerbitan pada tahun 2022** dan **First-Top UiTM Campus Grant Acquisitions: International pada tahun 2022**. UiTMPs juga telah memperoleh 22 geran FRGS pada tahun 2022 berjumlah RM 2,042,77. Malah, UiTMPs telah dinobatkan sebagai UiTM Cawangan yang berstatus 6 STAR kerana pencapaian PI pada tahun 2021 yang merangkumi PI daripada penyelidikan di dalam Majlis Anugerah Sanjung Sarjana 2021 UiTM. Pencapaian UiTM

Cawangan Perlis dalam bidang penyelidikan dan penerbitan untuk tahun 2022 telah dibuktikan dengan kesediaan pelan strategik yang efektif dan manpan. Dengan adanya indicator-indikator yang **digariskan oleh Pihak Pengurusan Teringgi UiTMPs**.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0033_HB02_20231_UiTMPs_7.2.2 Tahap_Hasil 2 Tumpuan kepada Sumber Manusia.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0033_HB03_20232_UiTMPs_7.2.3 Tren_Hasil 2 Tumpuan kepada Sumber Manusia.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0033_HB04_20233_UiTMPs_7.2.4 Perbandingan_Hasil 2 Tumpuan kepada Sumber Manusia.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0033_HB05_20234_UiTMPs_7.2.5 Kepentingan_Hasil 2 Tumpuan kepada Sumber Manusia.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARIPADA TUMPUAN SUMBER MANUSIA: Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia melalui Pemerkasaan Pengurusan secara Inovatif dan Strategik

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMPs sentiasa memberi tumpuan utama untuk mewujudkan sumber manusia yang **unggul dan dominan**. Program berkaitan penyelidikan dan penerbitan sentiasa dipastikan untuk berada di **tahap yang cemerlang dan optimum** selaras dengan perancangan strategik yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi. Seluruh warga UiTMPs telah memberikan penglibatan yang baik dalam menjayakan agenda penyelidikan dan penerbitan yang dirancang.

Hasil pencapaian sumber manusia di dalam bidang tumpuan telah menonjolkan kejayaan warga UiTMPs dengan **empat tema utama** iaitu:

- i) Staf Akademik UiTMPs yang Berkelayakan PhD**
- ii) Kecemerlangan Bakat Staf UiTMPs**
- iii) Kerjasama Antara Staf UiTMPs dan Rakan Strategik**
- iv) Staf Akademik UiTMPs dalam Penjanaaan Pendapatan**

Tema-tema ini dipilih untuk mengetengahkan pencapaian utama sumber manusia di UiTMPs yang **cemerlang dan berprestasi tinggi** hasil daripada keberkesanan proses pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang **komprensif dan holistik** sepanjang tahun 2022 melalui aktiviti-aktiviti kolaborasi penerbitan, perolehan geran dan kerjasama strategik.

Sumbangan dan keterlibatan staf akademik yang berkelayakan PhD secara terus dan aktif dalam pencapaian UiTMPs telah berjaya menghasilkan **kelestarian** dalam penghasilan penerbitan dan penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Peranan staf akademik UiTMPs seramai **92 orang sebagai penyelidik utama (PI)** telah **melangkaui sasaran** yang telah ditetapkan bukan sahaja dalam kolaborasi penerbitan iaitu sebanyak **151 penerbitan** tetapi juga perolehan geran di peringkat nasional dan antarabangsa berjumlah **RM2,880,633**.

Keberhasilan pembangunan sumber manusia UiTMPs dapat dilihat melalui kejayaan staf UiTMPs menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bertaraf antarabangsa seperti **1st International Academic Research Conference (iAReCO 2022)** dan **ICAN International Virtual Conference (IIVC2022)** yang julung kali diadakan. Kecemerlangan staf akademik UiTMPs juga terbukti melalui penganugerahan **First-Top UiTM Campus Publication** dan **First-Top UiTM Campus Grant Acquisitions: National dan International** pada tahun 2022.

Secara keseluruhannya, penglibatan dan komitmen yang diberikan oleh staf UiTMPs sepanjang tahun 2022 adalah signifikan dalam mengimbangi antara keperluan komuniti dan perkhidmatan ekosistem yang ditawarkan serta **menyokong sasaran matlamat pembangunan mampan yang ke-14 (SDG-14)** selaras dengan dimensi kemapanan alam sekitar dalam **Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025)** dan **pelan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia (2020-2030)** dalam merealisasikan Malaysia Lestari 2030.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0033_HB02_20231_Perlis_7.3.2_level_2022.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0033_HB03_20232_Perlis_7.3.3_trend_2022.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0033_HB04_20233_Perlis_7.3.4_Comparison_2022.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0033_HB05_20234_Perlis_7.3.5_importance_2022.pdf](#)